

# Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 168 ● 10 - 16 JUN 2022 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

## Sinar baharu untuk Pak Wan



# Veteran ATM berterima kasih pada PM, Menteri Wilayah

DARI MUKA HADAPAN

**"SAYA** dahulu merupakan seorang pesara ATM dan pernah bekerja di Unit Sembilan, Kementerian Pertahanan (MINDEF). Apabila ada sedikit masalah, maka akhirnya saya terpaksa menghadapi kehidupan seperti ini.

"Oleh kerana tidak mahu menyusahkan sesiapa termasuk keluarga, saya tetap meneruskan kehidupan seperti ini sejak 20 tahun lalu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menerima surat tawaran menduduki rumah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang diserahkan Shahidan.

Hadir sama Setiausaha Politik Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Mustapa Kamal Mohd Yusoff, Ahli Lembaga Penasihat DBKL, Datuk Seri Zainal Rafique dan Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar DBKL, Ismadi Sakirin.

Beliau turut melahirkan ucapan terima kasih di atas perhatian dari pemimpin nombor satu negara, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang prihatin di atas nasib yang menimpanya sejak ia mula tular di media sosial baru-baru ini.

"Bagi saya, Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan bukan bercakap kosong. Mereka prihatin dan di atas sebab itu saya



SHAHIDAN (tengah) melihat sendiri keadaan 'rumah' Pak Wan yang didudukinya sejak 20 tahun lalu.

diberi sebuah rumah yang cukup selesa, malah ia juga lengkap dengan peralatan seperti peti sejuk untuk meneruskan kehidupan dengan lebih selesa.

"Oleh itu, saya ucap terima kasih Datuk Seri Ismail Sabri dan Datuk Seri Shahidan kerana membantu saya," katanya.

Meskipun pernah menjadi petugas barisan hadapan untuk negara dan menjalani kehidupan dalam serba kekurangan serta tidak berpencen, Pak Wan tidak mengeluh bahkan sentiasa bersangka baik dengan takdir yang menimpa dirinya.

"Kalau kita bersangka baik Tuhan akan beri yang baik. Tapi disebab-

kan duduk macam ni tidak buat masalah, tolong jaga kebersihan dan guna kawasan ini serta tidak pernah mengharapkan bantuan dan balasan, hari ini saya diberikan rumah yang selesa.

"Walaupun tidak mempunyai pencen bulanan, saya mempunyai kemahiran untuk membaik pulih kenderaan dan dalam sebulan mampu memperolehi pendapatan di antara RM1,200 hingga RM1,500 sebulan dan ia mencukupi untuk menampung kehidupan," katanya.

Sementara itu, Shahidan berkata, kisah Pak Wan ini telah mendapat perhatian daripada Perdana Menteri dan di atas keprihatinan



SHAHIDAN (tengah) bersama-sama Pegawai Kanan KWP dan DBKL bertanggungjawab menguruskan kediaman yang lebih selesa untuk Pak Wan.

pemimpin nombor satu negara itu, beliau dengan kerjasama DBKL berjaya mendapatkan sebuah rumah yang selesa untuk veteran itu di Perumahan Awam (PA) Seri Johor.

## LAGI GAMBAR DI MUKA 13

"Di sini (PA Seri Johor) sewanya adalah RM96 sebulan dan kita akan beri percuma selama setahun kepada Pak Wan dan beliau tidak perlu bayar sewa.

"Saya dihubungi ramai dermawan yang meminta selepas setahun itu untuk mereka ambil alih (bayaran sewa) untuk terus membantu Pak Wan," katanya.

Shahidan berkata dengan bantuan tersebut, sudah pasti veteran ATM itu akan menjalani kehidupan serta memudahkan beliau untuk beribadat dengan lebih baik.

"Beliau terima surat tawaran rumah dan akan berpindah bila-bila masa, selewat-lewatnya adalah pada Jumaat ini.

"Untuk peralatan dan kelengkapan rumah, ini semua akan diuruskan dengan sebaiknya. Bagi saya, semua itu tidak perlu dibutukan sebab *Insya-Allah* akan ada kawan-kawan dan dermawan yang akan membantu dan kita mesti anggap ini sebagai amal jariah mereka," katanya. **WK**

## DBKL halang kemasukan kenderaan berat masuk bandar

# Elak kesesakan pada waktu puncak

**K**EMENTERIAN Wilayah Persekutuan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang menggunakan kenderaan berat untuk

memasuki laluan waktu terhad ke pusat bandar raya Kuala Lumpur pada waktu puncak.

Timbalan Menterinya, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata

oleh itu pihaknya telah meminta penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi meningkatkan pemantauan agar dapat menghalang kemasukan kenderaan berat pada waktu tersebut yang menyebabkan kesesakan lalu lintas.


"Saya telah meminta DBKL melipatgandakan pemantauan bagi mencegah kemasukan kenderaan berat ke ibu kota yang menyumbang kepada kesesakan lalu lintas dan menjelaskan kelancaran aliran trafik di Lembah Klang.

"Di pihak kementerian, kami tidak lagi boleh bertolak ansur dalam hal ini kerana kami telah mendengar pelbagai rungutan mengenai isu kesesakan dan akan mengambil tindakan sepenuhnya.

"Kerja-kerja baik pulih yang tidak sewajarnya berlaku pada waktu puncak, selain itu, orang ramai yang meletakkan kenderaan tanpa sebab dan peniaga menjalankan perniagaan menyumbang kepada kesesakan juga akan diambil tindakan. Saya mohon maaf kepada semua kerana penguatkuasaan akan dijalankan sangat agresif selepas segala peringatan



JALALUDDIN



KENDERAN BERAT yang berada pada waktu puncak merupakan antara faktor kesesakan lalu lintas yang luar biasa di Kuala Lumpur.

telah diberikan," katanya.

Baru-baru ini, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mela-rang semua pengendali syarikat atau pemandu kenderaan barang membabitkan kenderaan berat dengan muatan (BDM) melebihi 7,500 kilogram memasuki jalan raya utama di Kuala Lumpur dari pukul 6.30 pagi hingga 9.30 pagi dan 4.30 petang hingga 7.30

malam setiap hari.

Ini berikutan pemantauan JPJ mendapat terdapat pergerakan kenderaan berat memasuki lalu-waktu terhad ke pusat bandar raya pada waktu kemuncak iaitu sebelah pagi dan petang yang menyumbang kepada kesesakan lalu lintas serta menjelaskan kelancaran aliran trafik di Lembah Klang. **WK**

**Kerajaan Tuanku akan terus bekerja dalam semangat keterangkuman, kebersamaan & kesyukuran sebagai Keluarga Malaysia yang mewaranti fahaman politik & ideologi demi kesejahteraan semua.**

**Segala cobaran akan terus dideponi bersama secara kolektif, dengan mencari titik persamaan dan mengeneppikan perbezaan.**

Petikan ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sempena sambutan Ulang Tahun Hari Kemerdekaan Raja Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Muttaqin Billah Shah

Tarikh: 6 Jun 2022

# Banjir kilat: KWP adakan libat urus dengan 11 Ahli Parlimen KL

**KEMENTERIAN** Wilayah Persekutuan (KWP) akan melakukan proses libat urus bersama Ahli Parlimen Kuala Lumpur bagi membantu menyelesaikan masalah banjir kilat yang sering berlaku di ibu negara.

Menterinya, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata sesi tersebut dilakukan supaya semua pihak perlu memahami bahawa usaha mengatasi banjir kilat merupakan tanggungjawab kerajaan yang melibatkan semua pihak.

"Sesi ini akan dilakukan selewat-lewatnya Jumaat ini dan saya akan maklumkan tentang keadaan sebenar mengenai usaha-usaha yang diambil."

"Ia dilakukan supaya semua pihak memahami bahawa mengatasi banjir kilat bukan tanggungjawab kerajaan semata-mata tetapi rakyat juga harus dilibatkan terutamanya dari segi kebersihan dan pembuangan sampah," katanya ketika ditemui pemberita selepas menyerahkan Surat Tawaran Rumah kepada Mohd Redzuan Abdullah di Taman Sungai Besi pa-



**SHAHIDAN** meninjau salah satu kawasan hot spot banjir kilat yang di bina tembok pasir bagi melindungi limpahan air sungai bagi menangani masalah tersebut.

da Selasa.

Shahidan berkata isu pembuangan sampah merupakan antara punca longkang di Kuala Lumpur tersumbat dan ia menyumbang kepada berlaku banjir kilat di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebelum ini.

"Kita kena ingat, Kuala Lumpur

ini agak rendah, jadi kalau sekiranya sampah hanyut dari negeri lain ia akan berkumpul di Kuala Lumpur.

"Saya akan buat yang terbaik supaya air yang mengalir ke Kuala Lumpur ini adalah air yang bersih dan kita juga akan memastikan supaya sampah yang hanyut ini tidak menjadi halangan untuk aliran air

yang lebih lancar," katanya.

Beliau menjelaskan bahawa pihak kerajaan akan berunding dengan semua pihak termasuk kerajaan negeri supaya masalah pembuangan sampah secara berleluasa dapat dikawal.

## SHAHIDAN FOKUS SELESAIKAN BANJIR KL MUKA 12

"Tentang negeri-negeri ini, biarlah kita berunding dengan mereka dan sudah pasti semua pihak, kerajaan Malaysia dan kerajaan negeri juga bersetuju bahawa pembuangan sampah ini harus dikawal jika tidak, ia akan memburukkan keadaan dan itu kurang bagus," katanya.

Menurut Shahidan, seluruh rakyat Malaysia harus mengamalkan sikap membuang sampah di tempat yang betul sekali gus dapat menjaga kebersihan dalam negara seperti dia malkan negara-negara maju di dunia.

"Sesetengah negara, ia dikenali kerana mempunyai tandas awam dan persekitaran yang bersih. Jadi kita juga hendak dikenali sebagai ne-

gara yang bersih atau negara yang mengamalkan pembuangan sampah di tempat yang betul.

"Macam beberapa negara yang sering disebutkan, kalau kita berkunjung ke negara-negara tertentu, orang nak buang sampah merata-ra ta pun tidak berani, kerana negara itu yang amat mengutamakan kebersihan," katanya.

Dalam pada itu, Shahidan berkata, DBKL akan memasang kamera litar tertutup (CCTV) di tempat tumpuan kutu sampah supaya masalah tersebut dapat diatasi.

"Pada masa sama, saliran longkang tanah juga akan dipasang CCTV kerana kita tidak menerima maklumat apa yang berlaku di dalam dan ia agak panjang, bersimpang-siur serta bertembung dengan Selangor."

"Perkara ini diperincikan secara halus di setiap lokasi yang menyebabkan banjir kilat dan kita hendak pastikan tunnel di bawah tanah itu supaya apabila berlaku hujan lebat itu, ia tidak menghalang lajuan air," katanya. **WK**

Teliti lokasi, spesifikasi terowong simpanan air hujan bawah tanah

# DBKL, JPS kaji bina Smart Tunnel kedua

**AZLAN ZAMBRY**

**D**EWAH Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengadakan perbincangan dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) berhubung cadangan membina Terowong Pintar (*Smart Tunnel*) kedua sebagai alternatif untuk mengatasi banjir kilat yang sering berlaku di ibu negara.

Datuk Bandar Kuala Lumpur,

**Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata sebuah kajian terperinci mengenai perkara itu masih dilakukan dan berharap dapat melantik perunding setelah perbincangan dengan JPS selesai.

"Kita sangat rapat dengan JPS, maka cadangan itu sudah tentu memberi pilihan bagi DBKL untuk mencari format serta idea terbaik dalam mengatasi banjir. Kedua-dua agensi ada timbal balas dari segi mengendali banjir. Kita tak boleh buat perseorangan, kena kerjasama. Namun, kajian yang dilakukan merupakan inisiatif kita sendiri sebab nak segera dapatkan penyelesaian."

"Perkara ini kena bincang secara dalaman dengan JPS kerana perlu ada skop kerja yang betul untuk diserahkan kepada perunding. Sudah tentu JPS mempunyai idea kerana bidang keutamaan mereka uruskan banjir dan sungai. Walaupun konsultan belum dilantik namun perkara itu diberi keutamaan oleh DBKL," katanya kepada pemberita pada



**SMART Tunnel** kedua yang dicadangkan akan dibina lebih panjang berbanding **Smart Tunnel** yang beroperasi pada hari ini.

Majlis Hari Alam Sekitar Sedunia di Taman Tugu yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Ahad.

Mahadi memberitahu kerajaan sedang mempertimbangkan faedah kos cadangan itu kerana ia dijangka membabitkan perbelanjaan yang amat tinggi memandangkan terowong kedua yang dicadangkan itu lebih panjang berbanding Terowong SMART di ibu negara.

Menurutnya, DBKL sedang melaksanakan kajian terperinci bagi mengkaji kebolehsamaan (*feasibility study*) untuk meneliti lokasi dan spesifikasi terowong simpanan air hujan bawah tanah serta menerusi kolam takungan yang akan disiapkan dalam tempoh tiga bulan.

"Perunding akan dilantik sejurus selepas perbincangan bersama JPS selesai dan cadangan terbabit merupakan pelan jangka panjang mengatasi isu banjir kilat di ibu negara sebagai persiapan bagi menghadapi cuaca ekstrem yang dihadapi

ketika ini.

"Kita sudah ada inisiatif *Smart Tunnel* namun ia lebih kepada simpanan air dibawa ke tasik besar di Taman Desa dan pada masa sama, ruang simpanan air ini berkongsi dengan trafik dan kenderaan pengguna jalan raya. Sekarang ini, kita nak cari satu tempat sebab negara terima taburan hujan lebih banyak kerana cuaca ekstrem dan 10 tahun lagi dikatakan akan lebih teruk. Oleh itu, kena ada penyelesaian muktamad."

"Selepas melantik perunding, kita akan beri masa pada mereka untuk lakukan kerja selama tiga bulan kerana kita tahu (walaupun) tak mudah untuk dilaksanakan dalam tempoh tersebut, kita cuba terlebih dahulu. Kalau tidak berjaya, kita akan tanya kepadanya berapa lama masa diperlukan," katanya.

Dalam pada itu, Mahadi juga menyambut baik hasrat kerajaan untuk menggunakan kaedah yang dipraktikkan di Jepun bagi men-

gatasi masalah banjir kilat di Kuala Lumpur.

"Dalam konteks tersebut, kita telah membuat beberapa kajian dan ada beberapa perkara yang wa-

jar ditambah baik dari segi tindakan tembatan banjir, contoh menambah fasa simpanan air dan kalau ketidaadaan ruang, ada keperluan bina tasik atau kolam," katanya. **WK**



Dasar Zero Carbon KL 2050

# PM saran semua PBT contohi DBKL

**P**ERDANA Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyarankan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negara mencontohi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam mengutamakan dasar Net Zero Carbon 2050 di ibu kota.

Katanya, ia merupakan komitmen negara untuk mengatasi cabaran perubahan sejagat dan ia perlu disambut melalui pelan dan dasar negara menerusi Strategi Rancangan Malaysia ke-12 yang menyasarkan ‘Negara Sifar Karbon’ menerusi pembangunan di sektor tenaga, pengangkutan, industri pemprosesan dan penggunaan produk, pengurusan sisa, pertanian, dan penebusan semula guna tanah.

“Usaha ini diselaraskan dengan Pelan Kelestarian Alam Sekitar Malaysia ke arah menjadikan Malaysia Lestari 2030 yang berteraskan pengukuhan tadbir urus, pertumbuhan hijau kolaborasi strategik dan keterangkuman sosial.

“Selain itu, agenda hijau juga perlu disemai di peringkat pentadbiran kerajaan tempatan dengan mencontohi DBKL yang mengumumkan aspirasi Kuala Lumpur sebagai ban-



**ISMAIL (tengah) menyaksikan penyerahan perjanjian tanah Taman Tugu oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah kepada Ahli Lembaga Pemegang Amanah Warisan Negara (AWAN) Tan Sri Zarinah Anwar pada Ahad.**

dar raya Net Zero Carbon menjelang tahun 2050,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia di Taman Tugu pada Ahad.

Hadir sama, Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Aziz, Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan dan Menteri Wilayah Persekutuan,

Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.

Menurut Ismail, pelan dan dasar yang telah dinyatakan itu turut digembleng bersama-sama dengan sektor korporat dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLICs) di bawah Rangka Kerja dan Sasaran Kemampanan Perniagaan berteraskan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

“Antara badan korporat yang

terlibat adalah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang menyasarkan portfolio pelaburan full ESG compliant menjelang tahun 2030 dan pelepasan GHG sifar pada tahun 2050.

“Selain itu, Permodalan Nasional Berhad (PNB) turut menyasarkan peruntukan modal baharu berjumlah RM10 bilion untuk pelaburan aset hijau menjelang tahun 2030,” katanya.

Ismail Sabri berkata, Bursa Malaysia di bawah Bajet 2022 akan mewujudkan Voluntary Carbon Market dan pengecualian duti import, duti eksais dan cukai jualan bagi kendaraan elektrik juga disediakan bagi merancangkan agenda ekonomi hijau di Malaysia.

Tambahnya, Dana Amanah Matlamat Pembangunan Mampan Malaysia (MySDG Trust Fund) diwujudkan dengan peruntukan RM20 juta sebagai permulaan bagi menyokong program Kerajaan berorientasikan Matlamat Pembangunan Lestari di seluruh negara menerusi pentadbiran secara bersama Kementerian Kewangan dan Pejabat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PPB) di Malaysia. **WK**

# PM lancar fasa pertama MRT Putrajaya minggu depan

**S**EKIAN lama ditunggu-tunggu... mereka yang tinggal di Putrajaya dan Kuala Lumpur kini mempunyai pilihan berulang-alik dengan menaiki pengangkutan awam MRT Putrajaya.

Fasa pertama MRT Putrajaya - sejauh 17.5 kilometer (km) dari Kwasa Damansara ke Kampung Batu - akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 16 Jun ini.

Dalam satu kenyataan Selasa, Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) berkata Ismail Sabri akan diberi penghoratan menaiki tren pada pagi Khamis depan, sebelum operasi penumpang bermula pada pukul 3 petang hari yang sama..

Fasa pertama laluan Putrajaya meliputi 12 stesen - Kwasa Damansara, Kampung Selamat, Sungai Buloh, Damansara Damai, Sri Damansara Barat, Sri Damansara Sentral, Sri Damansara Timur, Metro Prima, Kepong Baru, Jinjang, Sri Delima, dan Kampung Batu.

Fasa pertama laluan ini membolehkan penumpang bertukar ke stesen KTM di Sungai Buloh, Sri Damansara Timur (ke Kepong Sentral), dan Kampung Batu.

13 laluan bas baharu juga akan mula beroperasi serentak dengan perkhidmatan MRT baharu. Tujuh daripada stesen MRT juga menawarkan kemudahan tempat letak kereka untuk lebih 2,800 kendaraan.

Kenapa pekerja DBKL harus dibebankan dengan kerja membuang iklan haram ini sedangkan pihak yang mengiklankan lepas tangan? Mereka sesuka hati menggantung dan menampal iklan tanpa kelulusan DBKL dan selepas itu pekerja DBKL yang perlu membersihkan.

Pada pandangan kawan-kawan Kedai Kopi, kerja ini patut dilakukan oleh pihak yang memasang iklan haram. Kekotoran mereka yang buat, mereka yang mesti bersihkan. Jangan dilepaskan mereka begitu sahaja.

Biasanya pada iklan ini, misalnya iklan pinjaman haram, akan disertakan nombor telefon untuk dihubungi oleh orang ramai sekiranya ingin membuat pinjaman. Pihak DBKL disarankan menghubungi nombor ini, tanpa memperkenalkan diri, dan mencari di mana pejabat mereka.

Sampai bila ini harus dibarkan? Selagi mereka dibiarkan memasang iklan sesuka hati dan DBKL pula terpaksa membersihkan, mereka akan terus bermaharajalela. Justeru DBKL bertindaklah dengan pantas dan tegas.

## Larangan masuki bandar raya

**JABATAN** Pengangkutan Jalan (JPJ) dilapor tidak membenarkan kenderaan berat milik mananya syarikat yang membawa muatan melebihi



**MRT Putrajaya bakal memudahkan orang ramai yang berurus di Putrajaya.**

7,500 kilogram Berat Dengan Muatan (BDM) daripada memasuki jalan utama di pusat bandar raya untuk mengelak kesesakan.

Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan, larangan ini berkuat kuasa setiap hari dari pukul 6.30 hingga 9.30 pagi serta pukul 4.40 petang hingga 7.30 malam.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, tindakan JPJ ini adalah langkah proaktif melegakan pusat bandar raya yang setiap hari berdepan dengan masalah kesesakan lalu lintas yang tidak kunjung padam.

Keadanannya lebih terserlah pada waktu puncak di mana orang ramai keluar bekerja atau pelajar pergi ke sekolah. Begitulah juga senarionya pada waktu petang apabila mereka berpusu-pusu balik kerja atau pelajar sekolah sebelah petang pulang ke rumah.

Sekatan memasuki bandar raya ini juga mengingatkan kawan-kawan Kedai Kopi kepada usaha yang pernah dilakukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) lama dahulu untuk melaksanakan sistem zon dalam usaha mengekang kemasukan kereta ke dalam bandar.

Melalui sistem ini, kenderaan tertentu tidak dibenarkan memasuki zon ditetapkan pada waktu ditetapkan. Sayangnya sistem ini terbengkalai sebelum pun bermula, walau pun persiapan awal sudah dilakukan dengan mendirikan palang besi

atau gantry di beberapa laluan tertentu. Akhirnya dirobohkan begitu sahaja.

Mungkin jika sistem zon ini dilaksanakan dahulu, keadaan lalu lintas di ibu negara kini tidak seterusnya sekarang. Dengan pembangunan yang wujud di merata pelosok ibu kota, serta jumlah penduduk dan kenderaan bertambah sepanjang masa, masalah kesesakan terus memeningkan.

Pelbagai usaha mengatasi seperti pembinaan lebuh raya atau menambah baik jalan tidak mampu mengurangkan kesesakan. Pertambahan kenderaan lebih pantas berbanding menyediakan kemudahan mengatasi kesesakan itu sendiri.

Pengangkutan awam seperti bas atau teksi pun tidak banyak membantu kerana ia juga tersangkut dalam kesesakan jalan raya bersama kenderaan lain. Waktu perjalanan jadi tidak menentu sehingga sering lewat untuk sampai ke destinasi. Kerana itu ramai bergantung kepada Aliran Transit Ringan (LRT), Mass Rapid Transit (MRT) atau monorail.

Oleh itu, kawan-kawan Kedai Kopi berharap larangan kenderaan berat memasuki bandar oleh JPJ sekurang-kurangnya dapat membantu mengurangkan kesesakan pada waktu puncak khususnya. Ia juga diharap dapat membantu Kuala Lumpur mencapai matlamat bandar raya rendah karbon.

## SIDANG REDAKSI

### PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz  
azlanaziz@ayasanwp.org.my

### PENGARANG KANAN

Helme Hanafi  
helme.hanafi@gmail.com

### WARTAWAN KANAN

Azlan Zambray  
azlanwilayahku@gmail.com  
Aini Roshidah Ahmad Mawawi  
ainiwilayahku@gmail.com

### WARTAWAN

Khairul Idin  
khairulwilayahku@gmail.com  
Deel Anjer  
deelanjer6@gmail.com  
Sabrina Sabre  
sabrinawilayahku@gmail.com  
Hazirah Halim  
hazirahwilayahku@gmail.com  
Diana Amir  
dianawilayahku@gmail.com

### GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid  
lemandecaprio@gmail.com  
Mohd Affandy Annuar  
affandywilayahku@gmail.com  
Fauzi Taib  
adhamfauzi05@gmail.com

### JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farid Hasan  
aminwktv@gmail.com  
Muhammad Syuqqree Mohd Dain  
syuqqreewilayahku@gmail.com

### KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatiyah Mohd Amir  
fatiyah@ayasanwp.org.my  
Nurul Hazwani Haslan  
nhmm86@gmail.com

### OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi  
roslee@ayasanwp.org.my

Rindu  
Melancong?



**PAKEJ CUTI  
PENJAWAT AWAM  
& PESARA KERAJAAN**

Dapatkan pakej-pakej menarik  
dengan harga berpatutan  
[www.malaysia.travel](http://www.malaysia.travel)



IMBAS SEKARANG!



Bagaimana anda boleh mendapatkan pakej ini?



1. Imbas QR CODE yang tertera

2. Pilih

#PAKEJCUTIPENJAWATAWAM



KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYA MALAYSIA



Ikuti kami:



Pembeli hendaklah menunjukkan kad pekerja / kad pesara  
sebagai bukti semasa pembelian pakej dijalankan.

# Selepas 'kematian' Utusan Melayu



KU SEMAN KU HUSSAIN

Wartawan Bebas

**K**ETIKA itu pukul 12.05 tengah malam 10 Oktober 2019. Sehari sebelum itu, 9 Oktober adalah hari terakhir bagi warga Utusan Melayu kerana syarikat berusia 81 tahun itu akan ditutup. Petugas diarah meninggalkan bangunan Utusan Melayu pada 9 Oktober atau selewat-lewatnya 10 Oktober.

Walaupun saya telah meletak jawatan pada 1 April 2016 tetapi tidak pernah 'putus' dengan Utusan Melayu. Lebih separuh daripada usia saya - 32 tahun empat bulan dihabiskan di rumah pusaka bangsa itu. Malah di situ juga 'universiti' saya.

Malam itu saya memandu menyusur Jalan Utusan, kemudian berhenti betul-betul di depan pintu pagar ibu pejabat setinggi lapan tingkat itu.

Suasana suram. Hanya dua tiga lampu sahaja yang terpasang. Beberapa anggota Polis Bantuan masih berada dalam pondok kawalan.

Dari bilah-bilah pintu pagar nampak ruang lobi yang kelam dan sunyi. Saya berlama-lama sambil menelan kesunyian, kepedihan sesekali marah. Kemudian mundar-mandir di depan pintu pagar, tenggelam dalam suram dan pilu yang tajam.

Jalan dan halaman bangunan yang basah menambah sayu dan bungkam. Tengah malam itu terakam dalam ingatan perihal tragedi yang merempuh syarikat Melayu itu hingga tumbang. Syarikat yang diasaskan oleh anak muda Melayu, Yusof Ishak akhirnya mati.

Malam itu saya menziarahi kematianya yang diiringi hujan renyai yang membungkam.

Kemudian bergerak menyusuri Jalan Lima dan berhenti di sebelah belakang bangunan. Jalannya agak sibuk, lori simen hilir mudik dan sesekali disulam kenderaan lain. Bangunan tempat letak kereta bertingkat di belakang tempat saya berdiri gelap dan sunyi.

Jalan Lima yang dibasahi hujan sejak senja masih berbekas. Lopak-lopak kecil menakungkan air, permukaan jalan berkilau dipanah cahaya yang kecil dari bangunan utama.

Apabila ada lori simen datang dari arah depan, wap di



**BANGUNAN lama Utusan Melayu merupakan memorial pendiri sejarah kewartawanan Melayu negara ini, selepas Cecil Street di Singapura, di situs tempatnya wartawan Melayu mengepak sayap membina pemikiran bangsa.**

permukaan jalan ditembusi cahaya lampu lori dan berkabus.

Saya berlama-lama di tepi jalan yang membahagikan bangunan lama dan baharu. Saya pernah bekerja di kedua-duanya. Bangunan lama gelap gelita, penuh dengan pokok liar. Ada pokok tumpang bertenggek di dinding yang retak.

Bangunan itu mula digunakan pada 1959 selepas pusat operasi Utusan Melayu berpindah dari Singapura ke Kuala Lumpur. Bangunan lama itu terbiar selepas operasi syarikat berpindah pula ke bangunan baru pada 2014.

Dalam kegelapan di depan bangunan lama, ada semacam layar putih yang menayangkan semula keletah ketiga-tiga anak yang sering datang ke pejabat itu. Di sebelah kanan pintu masuk itu, dulunya ada pondok pengawal.

Malam itu dari seberang jalan saya melihat bangunan lama Utusan Melayu dalam kesayuan. Menyusur malam semakin tua, sunyi dan suram pun kian terasa.

Lampu-lampu dulunya sentiasa terpasang, kini dipadam. Bagaikan sudah terputus dari galur sejarah pendiri Utusan Melayu zaman silam.

Segenap penjuru bangunan itu ada sejarahnya. Dihuni oleh tokoh-tokoh yang melakar sejarah. Ada sejarah negara, tidak kurang juga sejarah bangsa ketika usia merdeka masih muda.

Semua itu tidak ada di bangunan baru lapan tingkat

yang tersergam di belakang tempat saya berdiri.

Bangunan buruk itu terbiar sepi dimamah usia. Saya percaya akan terus terbiar. Itu memorial pendiri sejarah kewartawanan Melayu negara ini. Selepas Cecil Street di Singapura, di situs tempatnya wartawan Melayu mengepak sayap membina pemikiran bangsa.

Di situ ada duri dan api. Banyak keringat dan air mata tumpah mempertahankan pusaka Melayu itu daripada direbah 'jentolak politik' pada 1961. Itulah mogok Utusan Melayu yang berlangsung selama 90 hari.

Memorial ini pernah diduduki oleh tokoh besar Yusof Ishak pengasas Utusan Melayu di Singapura. Pernah menjadi gedung wartawan-wartawan besar dan pemberani - Said Zahari, Ahmad Boestamam, Usman Awang, Keris Mas, Melan Abdullah, Mazlan Nordin dan banyak lagi.

'Jentolak politik' membuatkan banyak yang terbuang dan terus hilang. Tetapi masih ada yang terbuang tetapi terus terbilang.

Sosok-sosok inilah yang memberi nilai dan tingkah berani Utusan Melayu pada tahun-tahun penuh luka dan gelora.

Tetapi kemerdekaan telah menghadiahkan 'jentolak' pada Utusan Melayu. Terlalu banyak sejarah yang dilalui tetapi tidak banyak terkumpul dan dibaca semula oleh generasi kini.

Di bangunan inilah

**“Di bangunan inilah mengalirnya air mata Yusof Ishak apabila syarikat itu jatuh ke tangan borjuis politik. Beliau yang mengasas Utusan Melayu tahun 1938 kemudian menjadi suara Melayu yang garang menentang penjajah.**

mengalirnya air mata Yusof Ishak apabila syarikat itu jatuh ke tangan borjuis politik. Beliau yang mengasas Utusan Melayu tahun 1938 kemudian menjadi suara Melayu yang garang menentang penjajah.

Jauh sebelum tumbuhnya gerakan politik Melayu bernama UMNO. Malah orang seperti Yusof Ishak yang menjadi pendorong lahirnya UMNO pada 1946.

Pada satu catatan sejarah, Mei 1959 Yusof Ishak terpaksa meninggalkan 'anaknya' Utusan Melayu selepas negara merdeka. Borjuis politik Melayu mengirimkan 'jentolak' untuk mengambil Utusan Melayu. Anak-anak Utusan Melayu pun tidak ada pilihan - mereka bangkit melawan.

Tapak bangunan lama itu dulunya dikelilingi kilang dan bengkel buruk, sesetengahnya haram. Tidak ada Melayu melintas di situ kerana semua bengkel dipunyai oleh orang Cina. Bangunan lama itulah yang membawa orang Melayu ke kawasan itu.

Memang bangunan itu sangat uzur. Tetapi kenangan tetap jernih dan manis. Dalam keuzuran itu saya melihat dunia, keluar dari lingkaran kampung yang terkepung.

Walaupun hanya dua tingkat, tetapi itulah menara tertinggi pernah saya berdiri untuk melihat horison kemanusiaan dan vertical Sang Pencipta.

Bangunan lama itu terlalu rapat dengan keluarga saya. Ketiga-tiga anak saya; Ku Amirul, Ku Nurul Izzah dan Ku Nurul Afiqah sangat akrab dengan pejabat lama itu.

Di situs tempat mereka bermain, menyorok dan berkejar-kejaran di celah-celah meja di Jabatan Pengarang apabila saya

bekerja pada hujung minggu.

Mereka menyaksikan sendiri cara saya bekerja, daripada menggunakan mesin taip hingga awal zaman komputer.

Di situ lah mereka menyelami kehidupan kerjaya saya yang sentiasa tidak cukup masa untuk bersama-sama. Kerana itu jugalah tumbuh rasa memiliki mereka pada organisasi tempat saya cari mencari rezeki membesarkan mereka.

Kenangan saya juga menjadi milik mereka bertiga. Kini, dua daripada mereka sudah berkeluarga, tetapi masih masih ingat gelagat zaman kanak-kanak di bangunan lama. Mereka rasa sangat dekat dan sekali gus memiliki Utusan Melayu. Bangunan buruk itu sangat manis dalam kenangan mereka dan juga saya.

Malam itu apabila berpaling ke bangunan baharu lapan tingkat, keadaannya juga sama - sepi dan suram. Sesuram bangunan lama yang terbiar.

Mulai malam itu saya seperti rakan-rakan yang lain yang berdepan kehilangan. Kami kehilangan semuanya kecuali jasa Utusan Melayu dan kenangan yang tidak pernah dipadam zaman.



## SEBUAH TEKA-TEKI PERJALANAN

Sibuk itu kadangkala sendat dengan rapat yang hingar panas pun menjadi api keringat mengalir ke Sungai Kelabu aspal merah dengan persoalan di manakah, jawapan-jawapan?

Pagi langkah yang tersekut tengah hari yang melekat dan petang yang padat perjalanan ini mendidik sabar sambil melayan rindu yang semakin kuyu.

Sampai bilakah akan berakhir? atau jalan ini perlu berlapis bertingkat buat menampung sempit sesak yang masih belum menjadi sejarah yang menguji segala payah bagi kehilangan pasrah.

Moga tidak jauh lagi yang dekat. Menyifir himpitan, pada waktu yang sering ditinggalkan!

**M. Syazwi**  
Langkawi.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR

**SERTAI SALURAN TELEGRAM**  
**Wilayah Ku**  
**UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!**



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100, Putrajaya. Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

# Penyewa rumah PPR hutang RM50 juta

**P**ENGHUNI di Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Kuala Lumpur berhutang sebanyak RM50 juta kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam bentuk tunggakan sewa. Terkedu bagai tidak percaya Adi apabila membaca laporan *thesundaily.my* mengenai isu ini.

Jumlah RM50 juta terlalu besar. Jumlah tunggakan begitu banyak kerana telah terkumpul sejak bertahun-tahun lalu tanpa tindakan serius diambil untuk menungutnya.

Kerana itu pada pandangan Adi, pihak penyewa dan DBKL sama-sama menjadi punca ini berlaku. Pertama, sikap penyewa yang tidak amanah dan tidak bertanggungjawab. Mereka enggan menjelaskan sewa walaupun sewa PPR rendah dan sangat berpatutan iaitu RM124 sebulan.

Kedua, sikap DBKL yang tidak bertindak tegas dari awal dan membiarkan penyewa terus menerus culas membayar sehingga berlarutan begitu lama. Akibatnya jumlah hutang semakin berlonggok.

Dilaporkan, hanya 50 peratus daripada penyewa PPR yang taat membayar sewa daripada 38,000 penyewa keseluruhannya. Dianggarkan lebih daripada 21,000 penyewa berhutang antara RM1,000 hingga RM10,000 kepada DBKL.

Kediaman PPR dan Perumahan Awam (PA) adalah usaha DBKL untuk menyediakan kediaman mampu sewa untuk golongan berpendapatan rendah, di tengah-tengah kehidupan kota yang serba mencabar serta kos kehidupan yang tinggi.

Golongan ini tidak mampu menyewa kediaman lebih mahal, tambahan lagi perlu memenuhi pelbagai keperluan perbelanjaan lain. Kerana itu kerajaan melalui DBKL berusaha membantu meringankan beban mereka dengan membina lebih banyak PPR atau PA bagi memenuhi keperluan mendesak golongan ini.

Memang diakui tidak semua yang berpendapatan rendah dapat menyewa PPR atau PA. Ini kerana persaingan begitu sengit. Jumlah permintaan jauh melebihi bekalan. Sekali pun rumah-rumah seperti ini terus dibina, permintaan terus menerus meningkat menyebabkan senarai menunggu sentiasa panjang.

Justeru mereka yang telah terpilih mendiami PPR mesti bersyukur di sebalik ramai lagi yang gagal. Pendek kata mereka adalah kelompok terpilih. Oleh itu apabila sudah diberi tempat berlindung, berteduh daripada hujan dan panas, tanamlah sikap bertanggungjawab dan berterima kasih. Bayarlah sewa setiap bulan tanpa gagal.



**MEMBAYAR** sewa adalah kewajipan penyewa sebagai balasan memperoleh unit rumah untuk diduduki dan akan digunakan untuk keperluan penjagaan dan penambah baikan di PPR jika berlaku masalah berbangkit seperti lif rosak, mengecat semula bangunan dan sebagainya.

Memetik jurucakap DBKL, tempoh paling lama penyewa tidak membayar sewa ialah 12 tahun. Purata tempoh tidak membayar sewa pula ialah antara tujuh hingga 12 tahun. Bayangkan tinggal di PPR tetapi selama 12 tahun tetapi tidak peduli membayar sewa. Alangkah teruknya sikap penyewa sementara DBKL bagi membiarkan sahaja tanpa tindakan.

Apa yang Adi sedih ialah membaca laporan bahawa bagi kebanyakan penyewa, membayar sewa PPR bukan keutamaan. Yang lebih utama ialah membayar untuk keperluan lain seperti pinjaman bank ataupun bil-bil utiliti.

Bagi mereka pinjaman bank mesti dibayar tepat waktu. Pinjaman kereta, perabot atau pinjaman lain mesti dibayar setiap bulan. Jika pinjaman kereta tidak dibayar, bimbang kereta akan ditarik, begitu juga pinjaman perabot. Bil utiliti jika tidak dibayar pula boleh

menyebabkan bekalan air dan elektrik dipotong.

Pandai pula mereka memastikan segala pinjaman lain dibayar tanpa bertangguh. Tahu pula malu jika kereta atau perabot ditarik balik, atau bekalan elektrik dan air dipotong.

Sebaliknya tidak pula malu gagal membayar sewa PPR sebanyak RM124 sebulan dan menganggap ia bukan keutamaan serta boleh dilakukan kemudian bila ada lebih pendapatan. Adi perhatikan ramai penyewa PPR ini pun hidup selesa. Kereta menjalar sehingga tidak cukup tempat parkir.

Tetapi bila bab sewa, buat-buat lupa. Bertahun-tahun tidak membayar. Ada yang membayar sekali dalam empat bulan setelah mendapat notis daripada DBKL. Ada juga yang membayar setahun sekali pada penghujung tahun. Ini jelas menyerlahkan sikap tidak peduli pada tahap melampau.

Bagi mereka tidak mengapa membayar sewa lewat atau

**“Memetik jurucakap DBKL, tempoh paling lama penyewa tidak membayar sewa ialah 12 tahun. Purata tempoh tidak membayar sewa pula ialah antara tujuh hingga 12 tahun. Bayangkan tinggal di PPR tetapi selama 12 tahun tetapi tidak peduli membayar sewa.**

**Alangkah teruknya sikap penyewa sementara DBKL bagi membiarkan sahaja tanpa tindakan.**

tertunggak lama kerana DBKL pun tidak bertindak menuntut sewa berkenaan. Kerana itulah mereka menjadi semakin senang-lenang lantaran tahu walau tidak membayar sewa tidak akan disuruh keluar dari unit kediaman.

Pada Adi, sikap penyewa ini sebenarnya adalah kerana salah DBKL sendiri. Apabila tidak bertindak, DBKL seolah-olah memberi lampu hijau kepada penghuni untuk tidak membayar sewa. Pihak DBKL dilihat seperti memanjakan penyewa.

Buktinya, walaupun sehingga 12 tahun tidak membayar sewa, tiada tindakan diambil, kecuali mungkin sekadar memberi notis. Bayangkan berhutang purata antara tujuh hingga 12 tahun tetapi dibiarkan. Hairan Adi, kenapa DBKL mengambil pendekatan terlalu lembut?

Sepatutnya selepas dua bulan tidak bayar, surat peringatan dan amaran diberi. Jika terus degil enggan membayar, layak diminta mengosongkan rumah. Biasanya inilah klausa jika menyewa rumah di mana-mana pun.

Biarkan mereka yang degil ini keluar kerana masih ramai yang menunggu. DBKL juga tidak harus rasa bersalah atau terlebih simpati kerana penyewa sendiri tidak bersimpati dengan diri sendiri. Sikap mereka merosakkan nama baik penyewa yang selama ini membayar dengan setia.

Adi difahamkan, baru-baru ini DBKL melalui Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar menganjurkan ‘Program Pertemuan Dengan Penduduk’ di salah sebuah PPR di ibu kota. Tujuannya untuk bersemuka dengan penyewa degil yang mempunyai tunggakan sewa terlalu tinggi.

Baguslah DBKL mula mengambil pendekatan serius dalam mendepani masalah ini. Purata hutang tertunggak penyewa degil ini antara RM10,000 hingga RM47,000, tertunggak antara tujuh hingga 12 tahun.

Adi berharap program ini memberi kesedaran dan keinsafan kepada penyewa agar segera melunaskan hutang tertunggak. Jangan nanti salahkan DBKL seandainya ia bertindak terhadap

mereka. Cukuplah peluang dan tolak ansur yang diberi selama ini.

Pihak DBKL pula mesti tetap tegas bertindak ke atas penyewa ingkar. Lemah lembut dan terlebih bertimbang rasa tidak akan membantu menyelesaikan masalah. Adakala pendekatan drastik dan tegas lebih berkesan.

Membayar sewa adalah kewajipan penyewa sebagai balasan memperoleh unit rumah untuk diduduki. Kutipan sewa inilah yang akan digunakan untuk keperluan penjagaan dan penambah baikan di PPR jika berlaku masalah berbangkit seperti lif rosak, mengecat semula bangunan dan sebagainya.

Malah selalunya pihak kerajaan terpaksa mengeluarkan peruntukan besar bagi tujuan ini. Sewa hanya sekadar menampung dan biasanya perlu ditambah dengan peruntukan tambahan oleh kerajaan.

Oleh itu Adi berharap penyewa dan DBKL sama-sama mengubah sikap dan pendekatan. Kepada penyewa bayarlah sewa pada waktunya. Kepada DBKL, bertindaklah apabila sewa tidak diterima.

Adi juga ingin menambah, penyewa bukan sahaja bertanggungjawab membayar sewa, tetapi mesti menjaga dengan baik unit kediaman. Pastikan unit dan persekitaran sentiasa bersih. Jaga segala kemudahan yang disediakan sebaik-baiknya. Jangan melakukan vandalisme terhadap harta awam, sebaliknya jagalah seperti harta sendiri.

**Adi—Syukur ada rumah**

*Adi Taib*

## SKETSA



## SAJAK

### SEBARIS PESAN AYAH

Hari belum menjengah senja ketika barzakh menjemput emak bertamu

Sebaris pesan ayah sudah tak seperti selalu “Ingat pesan emak”

Sebaris pesan ayah kini lebih aksara “Ingat semua pesan emak. Jaga solat dan doakan emak sejahtera”

Sebaris pesan ayah membacakkan lopak-lopak kenangan

**Cikgu Sarah**  
Bukit Katil, Melaka

Tajaan permudah urusan ahli PRS SMK Presint 9 (1)

# Alhamdulillah syukur, terima kasih YWP

HAZIRAH HALIM

**U**NIT Bimbingan dan Kaunseling, Sekolah Menengah Kebangsaan Presint 9 (1) Putrajaya menghargai jasa baik Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) di atas tajaan menjayakan program lawatan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) ke tiga lokasi di sekitar Kuala Lumpur.

Guru Penyelarasnya, **Balwidar Mohd Rais**, teruja dengan tajaan tersebut yang disifatkan memudahkan perjalanan program yang merupakan sebahagian daripada projek 'Sekolahku Sejahtera'.

"Saya amat bersyukur dan berterima kasih kerana YWP sentiasa mengutamakan keperluan serta cakna terhadap keadaan warga Wilayah Persekutuan tanpa mengira bangsa untuk membantu.

"Antara sumbangan yang telah diperoleh daripada YWP adalah pengangkutan bas untuk bergerak seharian sepanjang lawatan, ma-

kan tengahari di Rumah Prihatin termasuk sehelai t-shirt buat 30 pelajar," ujarnya.

Mengulas mengenai tujuan lawatan dilaksanakan, Balwidar berkata projek 'Sekolahku Sejahtera' memberi pendedahan kepada semua ahli PRS tentang keselamatan, kesejahteraan dan tindakan atau sumbangan yang boleh dilakukan kepada masyarakat.

"Ketika lawatan itu, kami telah pergi ke tiga lokasi iaitu Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi, Rumah Prihatin dan sekitar Sogo, Kuala Lumpur. Semasa di IPD Dang Wangi, pelajar menerima penerangan mengenai cara menghindar gejala buli dalam kalangan pelajar agar dapat mewujudkan sekolah sejahtera, selamat dan sihat.

"Mereka akan menjadi perantara atau pembimbing untuk menyampaikan maklumat dan pendedahan terutama isu kesedaran komuniti yang sewajarnya diterapkan oleh masyarakat," ujarnya.



BALWIDAR



KETUA Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun (tengah) berkesempatan turun padang beramah mesra dengan rombongan lawatan SMK Presint 9 (1) di RumahPrihatin@GrandSeasons, baru-baru ini.

Tambahnya, di Rumah Prihatin pula, mereka mengunjungi setiap fasiliti yang terdapat di sana seperti Showcase Room, Bilik Penginapan Prihatin, Dapur Prihatin, Toybank Prihatin dan FoodBank Prihatin.

"Mereka juga turut diberi penjelasan terhadap kegunaan dan keperluan fasiliti yang disediakan

dan secara tidak langsung ia membuka peluang serta ruang buat pelajar khususnya tingkatan lima menjadi sukarelawan selepas tamat persekolahan," jelasnya.

Balwidar berharap lawatan ini akan diteruskan pada masa hadapan kerana ia juga merupakan usaha untuk menjalankan kerjasama



ADUAN

DBKL

Tel : 03-2617 9000



Perbadanan Putrajaya

Tel : 03-8000 8000



Aduan : 03-8887 3000

Perbadanan Labuan

Tel : 087-408600



Aduan : 087-408852

Wilayahku

WhatsApp

: 011-5958 7489

ma baik dengan pihak di luar selain program pendedahan dan kesedaran membuat anak-anak PRS di SMK Presint 9 (1), Putrajaya.

Bagi mana-mana individu yang berminat menjadi sukarelawan Rumah Prihatin, boleh melayari laman web rasmi <https://www.yayasanwp.org/rumahprihatin> untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai permohonan dan kelayakan penyertaan. **WK**



NANCY (tengah) bersama tetamu kehormat meninjau bahagian dalam pesawat Firefly.

## Kempen #GoJalanLah galak pelancongan domestik

BAGI merangsang semula pertumbuhan ekonomi negara menerusi sektor pelancongan, Tourism Malaysia menjalinkan kerjasama pintar bersama syarikat penerbangan Firefly dalam usaha meningkatkan promosi pelancongan domestik.

Kerjasama tersebut melibatkan pelancaran pengiklanan badan pesawat (*livery*) serta kempen #GoJalanLah yang berlangsung baru-baru ini di Sky Park Rac Industrial Park Bukit Jelutong, Shah Alam.

Disempurnakan oleh Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, **Datuk Seri Nancy Shukri**, pengiklanan dan kempen melalui kerjasama tersebut bermula pada 1 Jun lalu hingga 31 Mei 2023.

"Saya amat mengalukan usaha Firefly dalam melebarkan sayap penerbangannya dari Pulau Pinang ke Sabah dan Sarawak. Langkah ini diharap dapat menggalakkan lebih banyak penerbangan dua hala yang menghubungkan pergerakan rakyat antara Malaysia Timur dan Semenanjung

Malaysia khususnya dari Wilayah Utara.

"Malah di bawah kempen #GoJalanLah, pihak Firefly turut menawarkan pelbagai pakej percutian dan tiket penerbangan menarik," ujar Nancy.

Menerusi kempen tersebut, bahagian depan badan pesawat akan dihiasi dengan logo Cuti-Cuti Malaysia bagi menggalakkan rakyat Malaysia melancong dalam negara.

"Dalam pesawat turut dipaparkan visual kreatif produk-produk pelancongan menarik berserta logo sambutan ulang tahun ke-50 Tourism Malaysia.

"Selain itu, promosi kempen #GoJalanLah menawarkan pembelian tiket penerbangan berserta hotel penginapan pada harga diskon sehingga 35 peratus," ujar beliau pada perasmian tersebut.

Turut hadir, Ketua Pengarah Tourism Malaysia, Datuk Zainuddin Abdul Wahab dan Ketua Pegawai Eksekutif Firefly, Philip See. **WK**

## Derma pakaian tersayang, nikmati ganjaran hebat di Suria KLCC

SURIA KLCC bekerjasama dengan The Salvation Army memberi ganjaran istimewa baucar extra dari kedai-kedai terpilih kepada pembeli yang menderma lebih lima helai pakaian mereka.

Pengarah Eksekutif merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Suria KLCC, **Andrew Brian** berkata ini adalah masa terbaik buat para pengunjung KLCC membeli belah di kedai fesyen kegemaran mereka.

"Kempen derma pakaian tersayang ini memberi peluang dan galakan kepada pengunjung untuk membuat kebajikan. Pakaian yang telah dikumpul akan didermakan kepada The Salvation Army dalam masa seminggu selepas kempen tamat.

"Semasa kempen ini berlangsung, para pembeli yang berbelanja sekurang-kurangnya RM600 dalam maksimum dua resit di mana-mana kedai fesyen, kecantikan, sukan dan salun kecantikan di Suria KLCC berpeluang menerima ganjaran baucar bernilai RM50.

"Kerjasama dengan The Salvation Army

terjamin memandangkan ia merupakan sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang berkhidmat kepada masyarakat kurang berhasrat baik di Malaysia," ujarnya.

Tambahnya lagi, kedai fesyen dan kecantikan terpilih seperti Kate Spade, Giorgio Armani Beauty, Salvatore Ferragamo, Yves Saint Laurent Beaute, Braun Buffel, PUMA juga akan menganjurkan pengaktifan dalam kedai dan tontonan produk eksklusif untuk mencipta pengalaman pembelian istimewa di Suria KLCC.

Dalam pada itu, sambil menderma pakaian, pengunjung boleh menikmati keindahan hiasan bunga gergasi di 'Secret Garden', KLCC.

"Bertemakan bloom in style, hiasan ini adalah salah satu aktiviti melalui kempen fesyen dan kecantikan yang telah bermula pada 31 Mei lalu sehingga 19 Jun ini yang mana Suria KLCC dihiasi dengan keindahan serta pencahayaan bunga-bunga gergasi berwarna-warni di ruang utama, Tingkat 1, Ramlee Mall," katanya. **WK**



PENGUNJUNG berswafoto dengan keindahan bunga gergasi berwarna-warni di ruang legar utama Suria KLCC.

REALITI KEHIDUPAN


# RODA KOTA

10 - 16 JUN 2022 . BIL 168

Wilayah Ku

## PBAKL 2022

### 'syurga' buat pencinta buku



**P**ESTA Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2022 (PBAKL 2022) ibarat sebagai 'syurga' buat pencinta buku apabila pembukaannya pada 3 Jun lalu mendapat sambutan luar biasa daripada pengunjung dalam dan luar negara dengan mencatatkan jumlah kehadiran pengunjung seramai 556,185 setakat 3 Jun hingga 6 Jun lalu. Jelas terbukti, sasaran Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) yang menyasarkan 700,000 hingga 1 juta pengunjung hampir dicapai serta kehadiran orang ramai tersebut juga jelas menunjukkan budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia terutamanya masih tidak pupus biarpun dunia teknologi canggih telah menguasai zaman masa kini.

Menariknya, pesta buku kali ini

bukan sahaja menghimpunkan pengkarya dan penerbit buku tempatan tetapi ia turut melibatkan kolaborasi bersama tiga penerbit buku antarabangsa seperti Turki, Indonesia dan Singapura.

Kolaborasi dengan negara luar itu sinonim dengan pengiktirafan yang pernah dianugerahkan kepada bandar raya Kuala Lumpur sebagai Kota Buku Dunia 2020 dengan slogan '*KL Baca - Caring Through Reading*' oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) seiring tumpuan yang diberikan terhadap pendidikan inklusif, pembangunan masyarakat berdasarkan pengetahuan termasuk kebolehcapaian membaca kepada segenap populasinya. **WK**



SAMBIL berbelanja buku, pengunjung boleh membeli makanan di food truck yang terdapat di perkarangan Pusat Dagangan Dunia (WTC), Kuala Lumpur.

# 'Jangan bunuh industri buku,' - Ismail Sabri




HAZIRAH HALIM

**P**ENGANJURAN Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2022 (PBAKL 2022) sememangnya memberi sinar baharu buat penggiat industri buku memperkasakan semula karya-karya mereka selepas penularan wabak COVID-19 dua tahun lalu.

Perdana Menteri, **Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob** dalam ucapannya ketika Majlis Pelancaran Pesta Buku tersebut pada 4 Jun lalu terlebih dahulu menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) selaku penganjur utama dalam menjayakan PBAKL pada tahun ini.

Menurutnya, penganjuran PBAKL 2022 adalah program yang dinanti-nantikan seluruh keluarga Malaysia terutama mereka yang dahagakan ilmu dan menganggap 'buku adalah jendela kehidupan' yang boleh mengubah dunia, pengetahuan dan intelektual seseorang.

"Bagi umat Islam, membaca merupakan perkara yang diutamakan malah perkataan *iqra'* bermaksud bacalah merupakan perintah yang menjadi wahyu Al-Quran pertama dalam risalah *nubuwah* (kenabian). Membaca turut berupaya membentuk pemikiran



DATUK Seri Ismail Sabri Yaakob (dua kiri) melihat koleksi buku yang terdapat di salah satu reruai PBAKL 2022 selepas merasmikan program tersebut.

seseorang lebih berilmiah dan saintifik sekali gus membangkitkan tradisi keilmuan seperti mana ketika zaman kegemilangan Islam.

"Selain itu, bangsa yang berjaya adalah mereka yang membaca. Pembangunan sesebuah negara turut bergantung kepada rakyatnya yang berpengetahuan, rajin dan berdaya saing. Kita boleh mencontohi masyarakat Jepun yang terkenal dengan sikap mereka yang suka membaca. Budaya inilah menjadi salah satu sebab kejayaan negara tersebut."

"Lihat sahaja tokoh-tokoh atau ahli perniagaan dunia yang berjaya seperti Bill Gates, beliau membaca 50 buah buku setahun. Ini bermakna, Bill Gates membaca sekurang-

kurangnya sebuah buku seminggu malah Elon Musk yang merupakan seorang bilionair dan pemilik firma penerokaan aeroangkasa SpaceX juga menghabiskan lebih 10 jam sehari membaca novel sains fiksyen bagi menambah pengetahuannya tentang roket," katanya ketika Majlis Pelancaran PBAKL 2022 di World Trade Centre (WTC).

Buku bukan sumber utama untuk masyarakat menambahkan ilmu sebaliknya mencambangkan lagi pengetahuan mereka serta buku juga wadah untuk kita merakam, meluah dan menyebarkan nuansa budaya kita.

Bagi menghasilkan buku yang berkualiti dan seterusnya memperkasakan industri ini, beliau menyarankan

pengarang, penerbit dan pengkarya memainkan peranan mereka memupuk kelangsungan budaya membaca dalam Keluarga Malaysia.

"Saya amat gembira kerana PBAKL 2022 mendapat sambutan menggalakkan apabila ia disertai 167 pempamer dari dalam dan luar negara selain ia juga dimeriahkan dengan pembukaan sebanyak 709 reruai oleh pemain industri buku dan rakan strategik PBAKL.

"Paling memberangsangkan pesta buku kali ini turut menyasarkan kehadiran seramai 700 ribu hingga sejuta orang pengunjung secara bersemuka selepas penganjurannya secara fizikal atau bersemuka tertangguh

**“ Bagi umat Islam, membaca merupakan perkara yang diutamakan malah perkataan *iqra'* bermaksud bacalah merupakan perintah yang menjadi wahyu Al-Quran pertama dalam risalah *nubuwah* (kenabian).”**

pada bulan Februari akibat pandemik COVID-19," ujarnya.

Beliau juga menyeru kepada seluruh keluarga Malaysia agar menerapkan budaya membaca bagi melahirkan masyarakat bertamadun, berilmu pengetahuan dan berkeperibadian unggul.

"Jangan bunuh industri buku kerana kegagalan kita mengekalkan budaya membaca bukan sahaja menjadikan menghancurkan usaha kerajaan membina sebuah negara bangsa yang berjaya malah turut membunuh industri buku dan karyawan-karyawannya.

## PENCINTA BUKU KERUMUN PBAKL 2022 MUKA 12

"Kerajaan akan terus menyokong PBAKL, pesta-pesta buku serta sebarang aktiviti penerbitan buku sebagai perusahaan pendidikan dan budaya bagi memperkuuh budaya membaca Keluarga Malaysia," tegasnya. **WK**

## Menteri WP, Datuk Bandar Kuala Lumpur iring PM di PBAKL 2022

**MENTERI** Wilayah Persekutuan (WP), Datuk Seri Dr Shahidan Kassim dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah antara tetamu kehormat yang hadir mengiringi Perdana Menteri (PM), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob di Majlis Perasmian Pesta Buku Antarabangsa 2022 (PBAKL 2022).

Bertempat di Pusat Dagangan Dunia (WTC), Kuala Lumpur, Shahidan turut meluangkan masa melawat reruai yang terlibat sepanjang 10 hari pesta tersebut berlangsung sambil beramah mesra bersama pengunjung. PBAKL 2022 ini merupakan program di bawah anjuran



SHAHIDAN bersama Mahadi berkesempatan mengiringi Perdana Menteri pada malam Majlis Perasmian Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2022.

Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) dengan kerjasama enam

persatuan penerbit buku di Malaysia.

Terdahulu, program yang bermula 3 Jun sehingga 12 Jun



2022 dari pukul 10 pagi hingga 10 malam ini melibatkan seramai 709 reruai dan pelbagai aktiviti menarik telah

dirancang bagi menambahkan kehangatan pesta buku setelah ia tidak dapat dilaksanakan sejak dua tahun lalu. **WK**

# Karya Inche Lebah menjadi rebutan ramai



DIANA AMIR

**M**ULA dikenali melalui hantaran-hantaran video berintikan motivasi dan kata-kata semangat di Instagram, kini karyanya sudah dibukukan dan sememangnya menjadi rebutan ramai terutama ketika berlangsungnya Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2022 (PBAKL 2022).

Menggunakan nama **Inche Lebah** sebagai nama penanya, beliau mula melibatkan diri di dalam dunia penulisan sejak tahun 2016 dan telah menghasilkan sebanyak tiga buah karya bertajuk 'Bangkit Daripada Sedih', 'Bangkit Wanita Bersedih' dan 'Bukan Mudah'.

"Saya merupakan bekas penulis Karangkraf dan selepas keluar saya terus mengeluarkan karya sendiri melalui Hamarae Group ini."

"Melalui penerbitan sendiri ini, kita juga memberi ruang buat penulis-penulis baru yang ingin menerbitkan karya mereka tersendiri," kongsinya kepada *Wilayahku*.

Berkongsi berkenaan penglibatannya di PBAKL 2022, Inche Lebah berkata sejak hari pertama sehingga keempat penganjuran, ketiga-tiga karyanya mendapat sambutan menggalakkan yang 'memaksa' pihaknya melakukan restock berkali-kali.

"Alhamdulillah dalam dua hari pertama pesta buku



WARTAWAN *Wilayahku* (hujung kanan) menemuramah pengkarya, Inche Lebah yang kini diminati ramai.

diadakan, karya kedua saya iaitu 'Bangkit Wanita Bersedih' dah *sold out* dan sehingga kini stok makin menipis tapi *insya-Allah* ia akan mencukupi sehingga tamatnya PBAKL 2022 ini," katanya.

Inche Lebah turut berkongsi antara karyanya yang popular di kalangan pembaca adalah 'Bangkit Daripada Sedih' di mana pencetakan buku tersebut telah memasuki cetakan ketujuh sehingga hari ini.

"Di booth, kebanyakan pembaca akan mencari karya pertama saya iaitu 'Bangkit Daripada Sedih' dan sebahagian daripada mereka yang hadir ke booth memberi *feedback* positif terhadap buku tersebut."

"Idea asal buku ini adalah ketika pandemik melanda di mana ketika itu ramai yang sudah berputus asa, kemurungan, sedih dan

sebagainya. Permulaannya saya hanya melakukan video berintikan kata-kata nasihat serta motivasi bagi memberi 'cahaya' semula kepada kehidupan orang lain.

"Buku yang dihasilkan ini sedikit sebanyak membantu menjawab setiap persoalan mereka yang sedang mengalami kesedihan dan kemurungan," jelasnya sambil menambah simbolik di sebalik kulit buku karya pertamanya adalah dilhamkan dari K-Drama di mana episod sedih sering berlaku setiap kali turunnya hujan.

Tambahnya lagi, pada awal penerbitan, golongan sasaran adalah mereka yang mengalami masalah perhubungan namun hampir 70 peratus pembaca Inche Lebah merupakan mahasiswa dan mahasiswi serta golongan lain.

Justeru itu, Inche Lebah turut menzahirkan harapan

agar karyanya dapat terus memberi motivasi kepada setiap pembacanya sama ada

pelajar atau para ibu bapa.

"Sepanjang pesta ini berlangsung, ada ibu bapa yang datang berterima kasih di atas penerbitan karya saya kerana ia membantu anak-anak mereka keluar daripada kemurungan."

"Saya turut berharap setiap pembaca yang membaca hasil nukilan ini bakal menemui cahaya di penghujung terowong yang gelap," ujarnya.

Buat para peminat Inche Lebah, anda berpeluang bertemu, berswafoto serta mendapatkan tanda tangan pengkarya hebat ini di sesi *Meet and Greet* yang diadakan sepanjang 10 hari (3 Jun - 12 Jun) bertempat di Pusat Dagangan Dunia (WTC KL) pada pukul 10 pagi sehingga 10 malam. **W.K**



## REAKSI

**SAMBUTAN** kali ini sangat memberangsangkan serta mengembalikan memori sebelum berlakunya pandemik di mana pesta buku seperti ini antara destinasi wajib buat kami sekeluarga dan bagi saya yang juga pernah menerbitkan buku, program seperti ini merupakan satu galakan baik yang menunjukkan bahawa industri buku akan kembali kuat seperti dahulu.



AMIR HUZAIFAH HAMZAH, 33  
Pensyarah

**SERONOK** dapat menghadiri pesta buku ini di mana saya sendiri berpeluang berjumpa dengan penulis-penulis serta pelbagai genre buku yang ditawarkan di sini dengan harga berbaloi dan saya percaya ia dapat memupuk budaya membaca di kalangan rakyat Malaysia kerana menurut pemerhatian, pengunjung yang hadir tidak putus-putus dari pagi hingga malam."



SHARIFAH NUR BATRISYAH, 21  
Pelajar

**SAYA** harapkan pesta buku ini akan terus diadakan mungkin di luar Kuala Lumpur juga kerana di Kelantan kemeriahannya dan jumlah bukunya tidak sebanyak di sini. Sebagai penggemar buku, agak rambang mata apabila mula sampai ke sini kerana terlalu banyak reruui yang perlu dilawati dan promosi yang ditawarkan juga membolehkan kita membeli buku dengan harga murah daripada biasa."



SUHANA SALLEH, 41  
Pengurus Akaun

**ANTARA** tujuan utama ke sini adalah untuk mencari buku-buku mengenai Pengurusan Kewangan memandangkan saya juga pelajar jurusan Syariah Pengurusan Muamalat dan turut berharap dapat berjumpa dengan penulis-penulisnya namun tak kesampaian. Pertama kali hadir ke pesta buku adalah satu pengalaman manis kerana berpeluang berada di lautan buku dan ilmu yang terdiri daripada pelbagai genre dan saya juga berkesempatan membeli buku-buku yang dikirim oleh rakan-rakan."



MUHSIN MAZLAN, 21  
Pelajar



## Shahidan fokus selesaikan banjir KL

SHAHIDAN Kassim melihat lambakan sampah yang tersangkut di Sungai Pantai, Pantai Dalam.



BEG guni pasir yang disusun di kawasan hot spot banjir kilat di sekitar Pantai Dalam.



SHAHIDAN Kassim melakukan pemeriksaan mengejut di kawasan hot spot banjir di Jalan Kasipillay, Kampung Pasir dan Jalan Maurof, baru-baru ini.



## Pencinta buku kerumun PBAKL 2022



PARA pencinta buku tidak melepaskan peluang berkunjung ke PBAKL 2022 yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia bermula 3 hingga 12 Jun 2022.



# '240GL' jadi kenangan



SYUQQREE MOHD DAIN

**K**EHIDUPAN seorang pesara tentera, Mohd Redzuan Abdullah, 60 atau dikenali sebagai Pak Wan amat daif apabila beliau hanya menginap di dalam sebuah kereta jenis Volvo 240GL yang disedekahkan oleh seorang pelanggan beliau kerana tidak berkemampuan menyewa rumah

yang lebih selesa.

Walaupun begitu, Pak Wan tetap bersyukur kerana masih ada tempat buat Pak Wan berlindung dari hujan dan panas.


'Rumah' yang hanya berdindingkan tirai dan kereta usang tersebut menjadi tempat berteduh Pak Wan sejak 20 tahun lalu. Lokasi yang bertempat di belakang lorong sebuah kedai serbaneka di Taman Sungai Besi itu juga terdedah kepada pelbagai ancaman bahaya antaranya kecurian barang.

Namun nasib pesara tentera

ini mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada bulan lalu.

Pak Wan yang telah berkhidmat selama 17 tahun dalam ATM, bersyukur apabila diberi bantuan daripada kerajaan.

Pak Wan menerima kunjungan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim yang menyerahkan surat tawaran menduduki sebuah unit Perumahan Awam Seri Johor 4C, Cheras milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). **W.K**



Imbas kod QR untuk tonton video berita ini.



# Top Gun: Maverick, nostalgia pertempuran udara

RASFAN ABU BAKAR

**36** tahun telah berlalu, kini Top Gun: Maverick kembali menggegarkan panggung wayang dengan penuh bergaya. Tom Cruise masih lagi menjadi nadi kepada cerita ini dan seperti biasa kelihatan muda dan segar. Jika dahulu dia hanya bergelar leftenan, kini beliau kembali dengan pangkat kapten. Kapten Pete 'Maverick' Mitchell berkhidmat sebagai juruterbang ujian Tentera Laut A.S. dan sentiasa mengelak untuk kenaikan pangkat agar dirinya sentiasa boleh terbang dengan memandu jet pejuang.

Kisah ini bermula dengan Maverick bertugas sebagai seorang pemandu uji bagi pesawat supersonik di bawah program ketenteraan Scramjet 'Darkstar'. Tetapi program tersebut telah mendapat tentangan oleh seorang pegawai tinggi tentera bernama Laksamana Muda Chester 'Hammer' Cain. Laksamana Cain muh menutup program tersebut dan mahu menggantikannya dengan projek dron yang mana beliau berpendapat pada masa hadapan jet pejuang akan diterbangkan tanpa pemandu.

Justeru itu, Maverick tanpa membuang masa terus membuat keputusan sendiri dengan memutuskan untuk membawa prototaip jet pejuang supersonik itu ke ruang udara dengan kelajuan Mach 10. Dalam suasana yang



TOP Gun: Maverick ialah filem aksi ketenteraan 2022 arahan Joseph Kosinski yang pasti tidak mengecewakan.

mendebaran itu Maverick telah berjaya mencapai kelajuan Mach 10 tetapi memutuskan untuk pergi lebih jauh ke kelajuan hipersonik tinggi dan mengakibatkan kemasuhan prototaip jet pejuang tersebut.

Disebabkan kejadian itu Laksamana Muda Cain mengambil keputusan untuk menghukum Maverick, tetapi sebelum dia sempat berbuat demikian rakan dan bekas pesaingnya, Laksamana Tom 'Iceman' Kazansky, Komander Armada Pasifik A.S. telah mengarahkan Maverick untuk pergi

ke North Island untuk menjadi tenaga pengajar di Top Gun.

Di Top Gun Maverick telah diperintahkan untuk melatih sekumpulan elit juruterbang Super Hornet F/A-18E/F yang diselia oleh Laksamana Madya Beau 'Cyclone' Simpson dan Laksamana Muda Solomon 'Warlock' Bates. Mereka mempunyai misi penting iaitu untuk mengebom kemudahan rektor uranium yang terletak di kawasan lembah pertempuran yang sukar untuk ditembusi oleh mana-mana pasukan. Kawasan itu juga turut dilindungi oleh senjata peluru berpandu permukaan ke udara (SAM) dan mempunyai pangkalan udara dengan pesawat pejuang Su-57 generasi kelima.

Di sinilah peranan Maverick iaitu melatih sekumpulan pasukan juruterbang agar boleh meletupkan kemudahan rektor nuklear dari terus beroperasi. Misi ini sangat sukar kerana jet perlu diterbangkan dalam kelajuan yang tinggi di bawah altitud yang rendah bagi mengelak dikesan radar musuh. Di samping itu juga mereka perlu mengelak dari bertembung dengan

pesawat musuh kerana hal tersebut boleh menggagalkan usaha untuk memusnahkan rektor nuklear.

Tugas Maverick menjadi sukar kerana hubungan di antara salah seorang pelatihnya iaitu Bradley 'Rooster' Bradshaw yang sering tegang kerana Maverick sentiasa rasa bersalah di atas kematian bapa Rooster yang juga merupakan rakan baiknya. Hal kematian bapa Rooster turut diketahui oleh temanya yang lain dan kemudian berlakuh babak sindir-menyindir yang mengakibatkan suasana menjadi huru hara seketika. Sungguhpun demikian mereka tetap fokus kepada matlamat utama latihan mereka iaitu menerbangkan jet pejuang dalam masa yang telah ditetapkan dan memusnahkan kemudahan rektor nuklear.

Kisah Top Gun ini penuh dengan aksi mendebaran yang membabitkan jet pejuang diterbangkan dengan pelbagai aksi akrobatik seperti berpusing-pusing di udara, aksi pesawat memecut dengan laju di angkasa dan kemudian menjunam semula ke permukaan bumi. Syot



**“ Kisah ini bermula dengan Maverick bertugas sebagai seorang pemandu uji bagi pesawat supersonik di bawah program ketenteraan Scramjet ‘Darkstar’. Tetapi program tersebut telah mendapat tentangan oleh seorang pegawai tinggi tentera bernama Laksamana Muda Chester ‘Hammer’ Cain.**

kameranya juga sangat hebat dengan memaparkan keadaan kejar mengejar dan menembak serta keadaan di dalam kokpit juruterbang dan penonton sendiri boleh berasa seolah-olah seperti turut terbang bersama.

Filem ini juga turut diadun dengan aksi romatik di antara Maverick dengan teman wanitanya yang dahulu iaitu Penny Benjamin; kini merupakan seorang pemilik kelab malam dan mempunyai seorang cahaya mata. Aksi romatik ini mengimbau kembali kenangan mereka berdua pada suatu ketika waktu dahulu dan babak ini jelas dilihat ketika mereka berdua menunggang motosikal. Muzik latar filem ini juga sungguh mengasyikkan dan bernuansa era 80-an.

Justeru itu pada mereka yang membesar pada tahun 80-an, filem ini akan menggamit kembali nostalgia lama kerana elemen-elemen tersebut masih boleh dilihat dalam filem ini. Juga bagi mereka yang gemar kepada filem berunsur ketenteraan, Top Gun pasti tidak mengecewakan.

**Penulis merupakan Dekan Fakulti Animasi & Multimedia, Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (ASWARA).**



# Gunakan media sosial perkasa IKKS semasa fasa endemik



**DR ILHAAMIE  
ABDUL GHANI AZMI**

**M**ALAYSIA kini sedang melalui fasa transisi pandemik kepada endemik COVID-19 bermula pada 1 April 2022. Dan menurut Jabatan Statistik Negara, sebahagian besar institusi perniagaan di Malaysia tergolong dalam sektor industri kecil sederhana (IKS) iaitu sebanyak 97.4 peratus. Namun begitu, industri makanan dan minuman hanya merupakan satu peratus sahaja. IKS merupakan penyumbang besar terhadap KDNK negara sebanyak 38.2 peratus atau RM512.8 billion pada tahun 2020. Justeru, IKS boleh dikatakan sebagai tulang belakang ekonomi negara Malaysia.

Sedikit tinjauan daripada SME Bank mengenai pemasaran media sosial dalam IKS. Didapati IKS kurang menggunakan media sosial dalam pemasaran disebabkan IKS mempunyai kekurangan sumber dan juga kepakaran. Hanya sebanyak 64 peratus syarikat tempatan di Malaysia menggunakan media sosial sebagai saluran pemasaran. Didapati 50 peratus industri makanan dan minuman

galah bertahan dalam pasaran lebih daripada 5 tahun, disebabkan oleh banyak sebab dan antaranya ialah kurang penggunaan media sosial dalam pemasaran yang mana merupakan sebab keempat.

Negara Malaysia merupakan negara ketiga paling tinggi selepas Brunei dan Singapura dalam penggunaan media sosial. Terdapat banyak jenis media sosial yang digunakan seperti *Facebook*, *Instagram*, *Youtube*, *Twitter*, *LinkedIn* dan *TikTok*. Menurut kajian UPM, media sosial yang paling banyak digunakan di Malaysia ialah *Facebook* di mana terdapat sebanyak 23 juta pengguna. Kajian UTHM pula mendapat golongan millennial iaitu belia dalam lingkungan umur 20 hingga 39 tahun merupakan golongan yang paling banyak menggunakan media sosial di negara ini.

Media sosial banyak digunakan untuk berinteraksi secara maya. Aktiviti perkongsian dan interaksi antara komuniti maya yang dilakukan termasuklah melibatkan permainan, lagu, visual, video, iklan atau promosi produk dan perkhidmatan dan penjualan dan pembelian produk atau perkhidmatan.

Daripada kutipan data penyelidikan kami yang dilakukan di

negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Johor, didapati majoriti responden menggunakan *Facebook* (74.8%) iaitu selama 1 hingga 2 jam (27.6%), berumur 21 hingga 25 tahun (49%), dan membeli barang menerusi media sosial (57.5%). Pendek kata, media sosial mempunyai potensi yang tinggi bagi aktiviti pemasaran agar jualan dapat dipertingkatkan dan keuntungan dapat diperolehi serta kerugian dapat dielakkan.

Terdapat banyak kelebihan penggunaan media sosial. Antaranya termasuklah penglibatan pelanggan, tanggapan baik terhadap jenama, niat terhadap penggunaan jenama, peletakan pasaran, akses segera ke pasaran dan capaian dan liputan pasaran yang besar.

Penjenamaan adalah penting bagi setiap organisasi bukan sahaja bagi keuntungan, malah kedayaan dan kelestarian di masa hadapan. Justeru, media sosial mempunyai potensi untuk digunakan sepenuhnya sebagai saluran pemasaran dan penjenamaan.

Dapatkan kajian kami juga membuktikan bahawa ekuiti jenama terdiri daripada empat dimensi iaitu kesedaran jenama, perkaitan jenama, persepsi kualiti dan kesetiaan jenama. Justeru, dapatkan kajian kami mengesahkan model

Aaker (1991) terdiri daripada empat dimensi tersebut.

Ekuiti jenama amat penting di dalam IKS, terutamanya dalam industri makanan dan minuman. Pentingnya ekuiti jenama kerana ia dapat meningkatkan kesedaran dan kepercayaan pelanggan, meningkatkan volume jualan dan pengulangan pembelian dan meningkatkan kepuasan pelanggan.

Kepuasan pelanggan adalah penting bagi kedayaan syarikat yang mana dapat membantu sesebuah organisasi untuk mampan. Justeru, ulasan dan maklum balas dari orang berpengaruh (*influencer*) adalah amat penting bagi memajukan jenama.

Sila rujuk kepada etika penggunaan media sosial oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dalam memastikan penggunaan media sosial syarikat tidak bercanggahan atau melanggar peraturan dan perundangan semasa. Yang paling penting dalam penggunaan media sosial ialah pastikan tiada penggunaan elemen palsu atau komen negatif yang mana boleh mengganggu perasaan pembaca. Ini penting bagi menjaga kesejahteraan mental dan keharmonian bersama.

Media sosial mempunyai potensi dan merupakan kunci kejayaan

bagi IKS untuk maju ke hadapan. IKS jangan melepaskan peluang keemasan ini bagi memastikan syarikat mereka dapat melonjak naik dalam pasaran selepas bergelut selama dua tahun berturut-turut dengan pandemik COVID-19. Di samping ia dapat mengurangkan jangkitan COVID-19, liputan media sosial adalah menyeluruh kerana ia boleh dilakukan setiap masa dan boleh ditujukan kepada semua orang waima di luar negara. Malah, ia merupakan penjimatan kepada IKS yang mengalami kekangan dari segi sumber. Pembaca akan lebih sedar (*aware*) tentang sesuatu jenama dan mereka lebih mudah dapat melakukan perkaitan jenama dan mempunyai persepsi baik tentang kualiti sesuatu produk atau perkhidmatan. Ini penting bagi memperolehi kesetiaan jenama.

Sehubungan itu, ekuiti jenama akan meningkat dan keuntungan dapat diraih serta kerugian dapat ditampung. Seterusnya, kedayaan dan kelestarian syarikat pasti dapat dicapai.

**Penulis merupakan Profesor Madya di Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan boleh dihubungi di amieazmi@um.edu.my.**



# PBAKL 2022

WTCKL

PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR

**03 JUN - 12 JUN**

PUSAT DAGANGAN DUNIA KUALA LUMPUR (WTCKL)

10 pagi - 10 malam | WTCKL



Ajulu Pertahankan!



**RERUAI**

3095	3096
3097	3098
3099	3127
3128	

**TEMUI KAMI!!!**

**NUHA CREATIVE RESOURCES**

**NUHA BOOKS**

[shopee.com.my/nuhabooks](http://shopee.com.my/nuhabooks)

**017 565 5656**

\*Bawa keratan iklan untuk HADIAH PERCUMA jika membuat pembelian set ini. Hanya sah di PBAKL.



Terima kasih YAB Perdana Menteri atas kesudian merasmikan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2022

# Institusi beraja menyempurnakan keadilan untuk rakyat, negara



PROF DATUK DR SHAMRAHAYU A AZIZ

**P**ADA 6 Jun lalu sebagai satu tradisi tinggi, kita menyambut Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong. Hari yang penting bagi negara kerana ia adalah antara identiti negara. Hari ini, lambang kemuliaan takhta Yang di-Pertuan Agong.

Walaupun institusi Yang di-Pertuan Agong ini baru sahaja diperkenalkan berbanding kedudukan takhta Raja di negeri, institusi Yang di-Pertuan Agong adalah kemuncak pemerintahan Persekutuan, iaitu Yang di-Pertuan Agong adalah *Supreme Head of the Federation*, yang sering diterjemah sebagai Kepala Utama atau Ketua Utama Negara.

Institusi beraja atau monarki serata dunia, seperti Brunei Darussalam, Thailand, Bhutan, Belgium, Maghribi dan Arab Saudi, serta negara Asia Barat lain, bahkan Britain sering menjadi perhatian dan muncul dalam pelbagai dimensi berita.

Di serata dunia juga perbahasan kedudukan dan peranan institusi beraja sering menjadi bahan perbincangan, sama ada dalam konteks akademik atau politik, sama ada mempersoalkan atau menyokong institusi beraja.

Hakikat kita boleh lihat ialah jumlah negara mengamalkan dan meneruskan pemerintahan monarki semakin mengecil. Sehingga kini hanya sekitar 44 negara mengekalkan sistem beraja.

Barbados menjadi negara terakhir setakat ini memansuhkan sistem pemerintahan beraja. Tanggal 30 November 2021, Barbados menjadi negara republik walaupun dahulunya, sejak merdeka pada 1966, Barbados 'meminjam' Ratu England sebagai pemerintah negara.

Walaupun begitu perkembangan di dunia, sistem beraja di negara kita mempunyai kedudukan penting dan peranan sangat berharga. Terdapat beberapa kelebihan mempunyai sistem beraja pada abad ke-21 ini.

Bagi Malaysia, monarki adalah 'repository' tradisi dan kesinambungan kepada amalan warisan. Institusi beraja bukan sekadar institusi tradisi dan warisan, tetapi institusi berwibawa bersifat dinamik.

Ia bukan sekadar mengingatkan negara mengenai asal usul bangsa, tetapi terus berkhidmat menjulang keadilan, walaupun arus politik demokrasi kelihatan pantas menarik

*Titah  
Yang di-Pertuan Agong*

**AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN  
AL-MUSTAFA BILLAH SHAH**

*sempena*

**SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI  
KEPUTERAAN RASMI SERI PADUKA  
BAGINDA**

Demi merancakkan pertumbuhan ekonomi dan menjadikan negara sebagai pilihan pelaburan utama di rantau ini, menuntut persefahaman dan pengobongan semua pihak untuk mewujudkan lanskap politik yang stabil dan berterusan.

Beta benar-benar berharap segala percaturan politik dapat diselesaikan segera demi mengelak negara daripada terus terjerumus ke kancang 'defisit keyakinan' yang boleh menjelaskan imej dan masa hadapan negara.

Diterbitkan: 6 Jun 2022  
Infografik Bernama

sokongan rakyat.

Jika dibandingkan sistem beraja dan sistem demokrasi, kita dapat melihat kelebihan serta kekurangan kedua-dua sistem ini. Walaupun begitu, bagi Malaysia, kita memerlukan kedua-dua sistem secara serentak kerana gabungan kedua-duanya mendatangkan hasil lebih baik kepada kestabilan dan keadilan kepada rakyat serta negara.

Raja berada pada kemuncak pemerintahan negara tanpa pertandingan bergantung kepada wang, media atau parti politik seperti kebergantungan pemimpin politik kepada elemen ini. Bagi sesetengah negara, institusi beraja menjadi penghalang daripada berlaku perang saudara atau rampasan kuasa.

Sistem beraja juga amat penting di negara berbilang etnik seperti Malaysia. Institusi beraja menyatukan kumpulan etnik yang pelbagai.

Penyatuan dalam kalangan komuniti atau etnik berbeza berada di bawah frasa kesetiaan dan ketiauan secara bersama kepada Raja dan negara.

Dalam konteks negara kita, kesetiaan kepada Raja bagi negeri juga penting kerana kesetiaan

kepada negara adalah baja kepada semangat patriotisme.

Hakikatnya, sistem monarki menghalang kemunculan bentuk kerajaan melampau. Semua pemimpin politik mestи berkhidmat sebagai Perdana Menteri atau menteri mentadbir negara dengan mekanisme semak dan imbang daripada institusi beraja.

Walaupun kuasa menetapkan urus tadbir terletak kepada penggiat demokrasi pilihan rakyat, kewujudan Raja menyukarkan untuk mengubah secara radikal struktur politik sesebuah negara.

Sebagai contoh, sistem beraja di beberapa negara berjaya menahan kecenderungan pemusatkan kuasa secara total kepada pemimpin atau puak politik.

Monarki juga menstabilkan negara dengan menggalakkan perubahan perlahan dan berperingkat serta bukan perubahan melampau dalam sifat rejim.

Selain itu, sistem beraja di negara kita membuktikan graviti tinggi lagi berprestij dalam membuat keputusan akhir, keputusan tidak boleh dilakukan pihak lain.

Cabar'an 'haru-biru' keadaan politik tanah air menyaksikan peranan itu amat berkesan selepas beberapa siri perubahan kepercayaan kepada Perdana Menteri dalam kalangan orang politik. Monarki menampilkan kewibawaan menjadi contoh kepada pemimpin demokrasi.

Bahkan, monarki boleh berkhidmat sebagai ketua negara dengan cara lebih demokratik. Ketua negara boleh mempromosikan sebab atau membangkitkan minat dalam isu dan topik kelihatan bercelaru dalam sistem demokrasi, seperti penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi atau kepentingan melestarikan nilai warisan seperti tenunan tekstil dan pemuliharaan seni bina warisan.

Kehadiran seorang ketua negara dengan profil psikologi berbeza daripada ahli politik boleh menyegarkan nilai atau elemen negara mempunyai nilai warisan dan kebudayaan tinggi, termasuk agama.

Tidak dinafikan kebanyakannya kritikan terhadap monarki di negara ini hampir lumpuh. Idea kononnya Raja boleh menggunakan kuasa mutlak dengan sewenang-wenangnya

**Tidak dinafikan kebanyakannya kritikan terhadap monarki di negara ini hampir lumpuh. Idea kononnya Raja boleh menggunakan kuasa mutlak dengan sewenang-wenangnya tanpa kawalan boleh disanggah dengan menetapkan amalan berperlembagaan.**

tanpa kawalan boleh disanggah dengan menetapkan amalan berperlembagaan.

Semua tingkah laku atau tindakan Raja hendaklah selaras dengan peraturan yang ditetapkan di bawah prinsip kedaulatan undang-undang. Dengan kata lain rangka kerja perlembagaan atau tradisional yang mengekang dan menginstitusikan kuasa Raja menjadi panduan pentadbiran.

Sebelum frasa 'kedaulatan undang-undang' menjadi popular dan diterima, Raja mempunyai institusi agama dan adat resam mengawal interaksi sosial baginda.

Agama dan adat juga berfungsi mengekang penggunaan kedudukan dan kuasa berlebihan. Malah, monarki dikatakan mutlak itu hanya dalam teori dan hampir setiap masa dikawal menerusi mekanisme agama serta adat dan budaya.

Selain itu, pewaris Raja ditanam dengan nilai dan ciri kepemimpinan tinggi akan mempunyai latihan praktikal berterusan, seterusnya menjadi pewaris melestarikan kepentingan monarki.

Memandangkan terserlah kelebihan pemerintahan monarki, maka sehari demi sehari, ramai warga negara demokrasi hari ini mempunyai nostalgia dan kecenderungan memilih sistem monarki.

Seperti pada abad sebelum ini, kita mengharapkan sistem monarki terus menonjolkan dirinya sebagai institusi politik penting dan bermanfaat, berdaya saing serta mampu menyampaikan amalan keadilan sempurna kepada rakyat seluruhnya.

Kita juga mendoakan moga sistem beraja negara kita terus gagah mendepani cabaran semasa dan akan datang demi kepentingan agama, bangsa dan negara. Daulat Tuanku.

**Penulis merupakan Penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu, Universiti Teknologi MARA (UiTM).**

# Nelydia Senrose buka tudung? Doakan yang baik-baik



DEEL ANJER



NELYDIA (tengah) ketika bercuti bersama keluarga di Bali, Indonesia.

**K**ECOH baru-baru ini apabila pelakon Nelydia Senrose dilihat membuka tudungnya dalam beberapa 'Instagram Story' ketika bercuti di Bali,

Indonesia.

Difahamkan, pelakon drama Khilaf Asmara itu bercuti bersama ahli keluarga, termasuk suaminya, Mohd Hafez Halimi Abdul Hamid.

Tindakan Nelydia mengejutkan ramai peminat kerana sudah hampir enam bulan dia bertudung selepas pulang mengerjakan umrah Disember tahun lalu.

Dalam masa yang sama, Nelydia pernah menyatakan dirinya tidak mahu terburuburu untuk memberi pengesahan bahawa telah bertudung sepenuhnya.

Akui Nelydia, dia sememangnya mahu

ke arah itu (bertudung) tetapi tidak mahu bercakap lebih mengenainya.

Sebelum ini, kakaknya, aktres Uqasha Senrose menerima kecaman hebat apabila bertindak membuka tudung selepas tiga tahun berhijab.

Walaupun ada beberapa andaian yang menganggap Nelydia akan mengikut jejak langkah kakaknya, janganlah kita mendoakan sebegitu.

Sebaliknya, doakanlah yang baik-baik untuk Nelydia agar terus istiqamah. Jangan terus menghukum kerana Nelydia pun mengaku dirinya sedang belajar untuk menjadi lebih baik. **W.K**



## Che Ta jual inai, mahu bisnes secara sihat... "Rezeki Allah luas"

**SELEPAS** berjaya dengan bisnes tudung, wangian, pencuci wanita dan banyak lagi, aktris **Rozita Che Wan** kini memperkenalkan produk inai 'instant' dipanggil Mazaville berkolaborasi dengan temannya, Anas Zahrain.

Sebagai peminat inai, pelakon yang lebih mesra dipanggil Che Ta ini mahu berkongsi minatnya dengan mereka di luar sana dan kerana itu dia mengambil peluang untuk menjual produk inai tersebut.

Biarpun ketika ini ramai yang mengusahakan perniagaan inai, namun isteri kepada Zain Saidin ini percaya bahawa rezeki itu luas.

Che Ta juga berharap tiada pihak

yang suka membanding-bandangkan inai yang dijualnya dengan peniaga-peniaga lain.

"Di Malaysia ni dah ramai tauke inai yang lebih dulu jual inai daripada kami. Kami ni ikan bilis saja. Jadi janganlah nak bandingkan kami dengan yang lain ya, Che Ta punya inai memang nampak letups tapi harga kita-kita.

"Rezeki Allah luas. Kami percaya rezeki ada di mana-mana. Kalau peminat nak support inai kami pun kami dah bersyukur sangat-sangat. Terima kasih yang menyokong dan jangan banding-bandingkan lagi. Kita berniaga secara sihat," ujarnya.

Harga inai keluarannya hanya RM15 sahaja memandangkan dia

mahu semua peminat inai mampu untuk mendapatkannya.

"Inai Che Ta ini memang mudah nak pakai. Jadi tiada alasan lagi untuk tak dapatkan inai kami," katanya.

Menurut Che Ta, penggunaan inai adalah trend masa kini dan tidak terhad untuk majlis kahwin atau acara tertentu.

"Dulu kalau tak kahwin lagi pun, inai memang saya gemar pakai sebagai penambah 'aksesori'. Selalunya, inai ini sinonim bila nak kahwin. Tapi, sebenarnya tidaklah hanya terbatas masa nak kahwin. Dulu pun, kalau ada majlis kahwin, yang bujang menyelit sekali pakai inai," ujarnya lagi.



## Malaysia, China kongsi budaya menerusi Asia's Kids Star

**BAGI** mengeratkan hubungan Malaysia dan China, satu pertandingan dikenali *Asia's Kids Star* yang diadakan buat kali kedua (kali pertama pada tahun 2021) sebagai jambatan kebudayaan antara Malaysia dan China.

Pertandingan itu yang diadakan sempena ulang tahun hubungan dialog China-ASEAN ke-31 dan ulang tahun hubungan diplomatik China-Malaysia yang ke-48, adalah satu pertandingan rasmi pertukaran budaya antara Malaysia dan China.

*Asia's Kids Star* diadakan dengan kerjasama sebuah syarikat di Malaysia, NQ Cultural

Commercial Sdn Bhd dan syarikat dari China, Dou Kou International Media Co. Limited.

Kerjasama ini adalah platform antarabangsa untuk pertukaran seni budaya bagi kanak-kanak berumur antara tiga tahun hingga 16 tahun di Asia dan seluruh dunia.

*Asia's Kids Star* yang menjadi pentas impian untuk kanak-kanak ini menampilkan sekumpulan kanak-kanak terpilih dari Malaysia dan China mempersembahkan beberapa tarian tradisional negara masing-masing melalui lagu tema pertandingan ini iaitu *Light Chase*.

Menurut pengurus penganjurnya, **Mazlan Goh**

**Ahmad Goh**, program sebegini boleh memperkenalkan lagi budaya Asia ke peringkat antarabangsa.

"Melalui pertandingan ini kanak-kanak yang merupakan tonggak masa depan negara bukan sahaja mampu mengejar impian malah dapat mempromosikan seni dan budaya asli bukan sahaja ke Asia malah ke seluruh dunia."

"Saya yakin dengan ini secara tidak langsung ia dapat membantu industri pelancongan, ekonomi dan fesyen kerana kebudayaan Malaysia mempunyai daya tarikannya yang tersendiri," katanya.



*ASIA'S Kids Star* bakal perkenalkan seni budaya tempatan ke mata dunia.

# PKRC Labuan ditutup secara rasmi



KORESPONDEN  
KHAIRUL IDIN

**P**USAT Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) di Dewan Serbaguna Perbadanan Labuan ditutup secara rasmi pada 1 Jun lalu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Labuan, Dr Ismuni Bohari berkata penutupan itu sepatutnya dilaksanakan pada hujung Mei lalu namun ditangguhkan bagi langkah siap siaga bagi sebarang peningkatan kes pada fasa peralihan endemik serta hari perayaan lalu.

"Kita di Labuan semakin membaik dan kes yang dicatatkan lima kes ke bawah pada setiap hari.

"Pusat ini beroperasi dengan lancar walaupun melebihi kapasiti hampir 2,000 pesakit sejak ia mula beroperasi pada 29 Oktober 2020.

"Oleh itu, kita telah membuat keputusan pada bulan Mei lalu untuk membersihkan dewan



ISMUNI (dua dari kiri) menyerahkan replika cenderahati kepada wakil Perbadanan Labuan pada Majlis Penyerahan Semula Dewan Serbaguna PL, baru-baru ini.

ini untuk diserahkan semula kepada pihak Perbadanan Labuan (PL)," katanya ketika ditemui pada Majlis Penyerahan Semula Dewan Serbaguna PL di sini, baru-baru ini.

Ismuni berkata PKRC di dewan itu turut dijadikan sebagai hospi-

tal medan COVID-19 pada 27 Jun tahun lalu.

"Penubuhan hospital lapangan adalah selepas Labuan mengalami lonjakan mendadak kes positif COVID-19 dan serangan varian Delta dengan kematian dilaporkan setiap hari.



DEWAN Serbaguna PL pernah dijadikan sebagai Hospital Medan selepas Labuan mencatatkan peningkatan kes COVID-19.

"Dengan kakitangan penjagaan kesihatan yang berdedikasi, petugas barisan hadapan dan kadar vaksinasi tinggi, Labuan berjaya dalam pertempuran melawan COVID-19 dan sejak itu bilangan pesakit menjalani kuarantin di pusat itu berkurangan secara be-

ransur-ansur," katanya.

Mengulas lanjut, Ismuni berkata, Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan Cepat Krisis Kebangsaan (CPKC) di Klinik Kesihatan Membedai masih beroperasi bagi menangani isu berkaitan COVID-19. WK

## AADK anjur program tingkat kesedaran bahaya dadah di Labuan

BAGI meningkatkan kesedaran bahaya dadah kepada golongan belia khususnya 'mat motor', Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Labuan menganjurkan program *Island Bikers Endemic Gathering* 2022 bersama golongan itu, baru-baru ini.

Menurut Ketua Pegawai AADK Labuan, Abd Gani Keruput pengajuran program itu turut bekerjasama Pertubuhan Permotoran Dua Roda Labuan dan Skuad Antidadah Labuan.

Katanya, lebih 1,000 penyertaan kelab-kelab permotoran daripada Sabah, Sarawak dan Labuan yang turut serta pada program tersebut.

"Program ini memfokuskan kepada golongan sasar untuk kita menyampaikan program pencegahan dadah khususnya di Labuan dan Sabah.

"Kita memberikan kesedaran dan pada hari ini mereka telah melakukan satu ikrar bahawa mereka akan membantu bebas daripada penyalahgunaan dadah.

"Dengan ikrar itu mereka telah menyokong bahawa kempen memerangi dadah ini daripada golongan 'bikers', katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Majlis *Island Bikers Endemic Gathering* 2022 di Desa Tunas Hijau, pada Sabtu lalu.

Dalam pada itu, beliau berkata dengan penganjuran program itu turut membantu meningkatkan semula ekonomi pulau itu yang terkesan selama dua tahun susulan pandemik COVID-19.

"Kita juga mahu membantu memulihkan ekonomi Labuan dan harap dengan penganjuran program ini yang melibatkan peserta dari luar dapat membantu merancakkan semula ekonomi pulau ini," katanya.

Terdahulu, program *Island Bikers Endemic Gathering* 2022 selama tiga hari itu menyediakan pelbagai pengisian antaranya *AutoShow*, Persembahan Pentas, Ride 'Kenali Labuan' Sunset Rider serta pelbagai jenis pertandingan. WK



ABD GANI (tiga dari kanan) menyampaikan sijil penghargaan kepada wakil Persatuan Permotoran Dua Roda Labuan selepas menyertai konvoi *Island Bikers Endemic Gathering* 2022 di Desa Tunas Hijau, pada Sabtu.



BASHIR (belakang, tengah) Ahmad (belakang, dua dari kiri) bersama peserta pertandingan azan pada Program Pahlawan Subuh dan Gotong Royong di Masjid Al-Falah Kampung Kalam, baru-baru ini.

## Warga Labuan diseru bantu polis cegah jenayah

MASYARAKAT di Pulau Bebas Cukai ini diseru mengeratkan silaturrahim dan terus memberikan kerjasama kepada pihak polis bagi mencegah aktiviti jenayah di wilayah itu.

Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Bashir Alias berkata maklumat awal yang diberikan berkaitan aktiviti jenayah mungkin boleh membantu pihak polis untuk mencegahnya daripada terus berlaku.

"Ta sekali gus dapat membantu usaha pasukan polis untuk

memerangi jenayah dan menjaga ketenteraman orang awam," katanya ketika berucap pada Majlis Pahlawan Subuh dan Aktiviti Gotong-Royong di Majlis Al-Falah Kampung Bukit Kalam, baru-baru ini.

Bashir berkata sebagai warganegara yang prihatin seharusnya bersikap aktif dan mempunyai inisiatif untuk mengetahui lebih lanjut berkaitan pencegahan jenayah.

"Setiap individu perlu mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan terutama-

nya program kesedaran menentang jenayah," katanya.

Hadir sama, Ketua Polis Daerah Labuan Superintendant Ahmad Jawila, Pengerusi Masjid Al-Falah Rahman Jumat, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Bukit Kalam Shuhaimi Kula.

Terdahulu, program selama dua hari itu turut diadakan pelbagai pengisian di antaranya pertandingan azan kanak-kanak dan gotong royong bersama anggota polis dan komuniti kampung. WK

**PERADUAN MEWARNA PM168**

NAMA PENUH: .....

UMUR: ..... NO. MYKID: .....

ALAMAT: .....

.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA: .....

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

**CARA MENYERTAI:**

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: [wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com) dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM168".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah **18 JUN 2022**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku **Bilangan 170**.

**3** PENYERTAAN TERBAIK  
PADA SETIAP MINGGU  
AKAN MENERIMA BAUCAR  
TUNAI BERNILAI RM50.00.

BAUCAR TUNAI SUMBANGAN:  
YAYASAN  
WILAYAH  
PERSEKUTUAN**KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 166**

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM168 daripada akhbar Wilayahku Edisi 166:

**ANTHONY HO JUN KEAT**  
(11 tahun)  
Sepang, Selangor

**VIEENAYDAVV A/L SUTHAKAR**  
(7 tahun)  
Presint 5, Putrajaya

**SARAH MOHD RUSYIDI**  
(7 tahun)  
Presint 16, Putrajaya



Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK166 daripada akhbar Wilayahku Edisi 166:

**MARINA SAHARIN**  
(39 tahun)  
Gombak, Kuala Lumpur

**NASARIAH JAMIAN**  
(32 tahun)  
Telok Panglima, Selangor

**MOHD JOHAN FIKRIE JOHARI**  
(14 tahun)  
Kg Sungai Bedaun, Labuan



E-melkan kepada:  
[wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com)  
Sertakan sekali  
NAMA PENUH, UMUR,  
ALAMAT dan NO.  
TELEFON IBU/BAPA.

BAUCAR TUNAI SUMBANGAN:  
YAYASAN  
WILAYAH  
PERSEKUTUAN**Bakat Cilik**

Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi **WILAYAHKU TV**.

Durasi video tidak  
lebih 3 minit.

# Nasi Lemak Kuning resipi turun-temurun



KHAIRUL IDIN

**S**IAPA sangka dengan bermula nasi lemak di tepi jalan, pasangan suami isteri yang menetap di Negeri Di Bawah Bayu iaitu negeri Sabah ini mampu meraih pendapatan lumayan.

Hanya berteduhkan khemah tepi jalan di Jalan Arsat, Kampung Batu Arang, Labuan, **Linda Patrick**, 51, dan suaminya, Sharim Paiman, 51, menjual juadah itu dengan harga bermula RM3 sehingga RM15 (mengikut jenis lauk) sejak 15 tahun lalu.

Menurut Linda, setiap hari dia dan suaminya akan menyediakan nasi lemak sebanyak 10 kilogram dan lebih mengejutkan kesemua nasi yang dimasak itu habis terjual dalam masa yang singkat.

"Setiap hari saya dan suami akan menyediakan sebanyak 200 pek nasi lemak untuk dijual di gerai. *Alhamdulillah*, hasil jualan pada setiap hari amat lumayan, meskipun penat kerana terpaksa bangun seawal pukul 3 pagi tetapi apabila memperoleh keuntungan sebesar itu amat berbaloi."

"Sejak tahun 2007 hingga hari ini, Nasi Lemak Linda masih mengekalkan keaslian Nasi Lemak Kuning mengikut resipi turun-temurun keluarganya malah juadah ini juga semakin dikenali ramai sehingga tidak menang tangan untuk memenuhi permintaan pelanggan."

"Kami bermula mulai pukul 6 pagi dan pelanggan sudah beratur panjang sebelum itu. Selalunya, nasi lemak habis dijual dalam masa dua jam sahaja. Ada kalanya, pelanggan tak dapat membeli kerana telah habis awal daripada masanya," katanya kepada pemberita.



LINDA bersama suaminya ketika ditemui Wilayahku di rumah kediaman mereka baru-baru ini.

Berkongsi mengenai menu masakan, bahan dan rempah-ratus yang digunakan adalah sama seperti nasi lemak lain, hanya cara memasak dan kaedah penyediaan mungkin berbeza daripada yang lain.

"Semasa masak sambal, saya akan pastikan ia masak sehingga pecah minyak untuk tahan lebih lama dan menghasilkan rasa yang sedap. Untuk lauk seperti ayam, hati dan daging pula saya akan masak secara berasingan yang mana menggunakan kuali berbeza. Ada orang masak menggunakan satu kuali sahaja memandangkan ia menggunakan sambal yang sama.

"Bagi saya, dengan cara seperti itu akan menambahkan lagi keaslian masakan dan disukai pelanggan," jelasnya.

Berkongsi pengalaman ketika bermula pada Ramadan lalu pula, ibu kepada lima orang anak itu tidak menafikan tempahan jualannya laris dan laku dua kali ganda berbanding hari kebiasaannya.

"*Alhamdullilah*, rezeki ketika itu kami tidak menang tangan kerana terlalu ramai pelanggan yang mahu membeli nasi lemak malah sebelum gerai di bazar Ramadan dibuka pada 3 petang, orang ramai akan beratur panjang

untuk membeli jualan kami," jelasnya yang turut mengatakan kebanyakan pelanggan tetapnya adalah berbangsa cina.

Bercerita mengenai awal permulaan perniagaannya, Linda berkata sebelum ini dia bekerja sebagai seorang kerani bahagian pentadbiran di sebuah syarikat swasta. Walau bagaimanapun, dia nekad mengambil keputusan berhenti kerja dan memulakan perniagaan nasi lemak selepas memperoleh lesen bermula.

Jelasnya, keputusan tersebut diambil disebabkan minat mendalam terhadap dunia perniagaan sejak kecil dan menambahkan lagi keazamannya untuk bermula nasi lemak secara kecil-kecilan.

"Saya memang minat dalam dunia perniagaan sejak kecil dan mungkin juga disebabkan daripada latar belakang keluarga saya adalah perniagaan. Disebabkan itu, saya memberanikan diri untuk berhenti bekerja dan memulakan perniagaan nasi lemak ini."

"Cabaran ketika mula bermula memang banyak seperti jualan tidak laku, tidak dikenali dan pelbagai lagi yang pernah saya dan suami tempuh sehingga ke tahap ini," katanya. WK



ORANG ramai sanggup beratur panjang untuk mendapatkan nasi lemak Linda yang kini semakin dikenali ramai.

## REAKSI

**"RASA** dia memang padu lebih-lebih lagi apabila ia dimakan bersama sambal sotong, daging atau paru yang sememangnya menambahkan lagi rasa nasi lemak ini. Siapa yang belum cuba, saya cadangkan untuk beli nasi lemak *legend* kak Linda ini memang berpuas hati.



ARIL LEE HASSAN, Pelanggan



**"BAGI** saya, dengan kesedapan rasa Nasi Lemak Linda ini dengan harganya yang murah bermula RM3 sehingga RM15 amatlah berpatutan kerana ia bukan sahaja murah malah portionnya juga banyak dan tidak hairanlah sekiranya orang ramai datang berkali-kali setiap hari untuk mendapatkannya.

ANGELA LIAW, 50, Pelanggan

**"NASI** Lemak Linda ini memang sedap sebab rasa nasi dan lauk-pauknya amat memenuhi cita rasa saya. Apatah lagi, sambalnya yang enak membuatkan saya sendiri mahukan lagi. Setiap hari seawal pukul 6 pagi saya akan singgah terlebih dahulu ke gerai Kak Linda untuk membelinya sebelum bergerak ke tempat kerja.



KU ISAMUDDIN ISMAIL, 30, Pelanggan



ANTARA lauk-pauk yang tersedia untuk dipilih oleh pelanggan ketika membeli di kedai Nasi Lemak Linda.

# Kolaborasi bersama MTIB, PPj terima set perabot



SABRINA SABRE

**P**ERBADANAN Putrajaya (PPj) komited dalam usaha memastikan Putrajaya menjadi sebuah Bandar Pintar dan Bandar Raya Pentadbiran Mampan bertaraf dunia dalam semua aspek menjelang tahun 2025.

Sehubungan itu, PPj berkolaborasi dengan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) membangunkan taman rekreasi di Anjung Floria dengan kemudahan menarik buat pengunjung.

Menariknya, baru-baru ini PPj menerima empat set perabot taman yang diperbuat daripada *Wood Plastic Composite* (WPC) daripada MTIB untuk dimanfaatkan pengunjung di samping mempromosikan perabot taman yang berkonsep hijau dan mesra alam kepada orang ramai.

Menurut Naib Presiden Kanan Perbadanan Putrajaya, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, empat set



FADLUN (lima kanan) dan Mahpar bertukar nota kolaborasi baru-baru ini.  
Foto: Faris Azmi PPj

perabot taman itu terdiri daripada bangku taman (*bench*), meja dan tong sampah (*litter bin*) yang dihasilkan daripada dua bahan utama iaitu kayu dan plastik.

"Pemilihan penempatan perabot di Anjung Floria adalah tepat kerana kawasannya yang strategik dan telah dikenal pasti sebagai tempat persinggahan atau

pit stop kepada pengunjung.

"Ia juga dilengkapi pelbagai kemudahan yang lengkap dan teratur termasuk Taman Persahabatan Malaysia China, English Garden, Pantai Pasir (*Sandy Beach*), Lake Cabin (kafe), Kedai Basikal Qayoh (sewaan basikal), aktiviti berkayak, memancing, *remote control boat*, Nurseri

Pokok (*Garden Shop*) dan lokasi Floria Diraja Putrajaya yang bakal berlangsung pada 29 Ogos hingga 4 September 2022," katanya selepas Majlis Penyerahan Perabot Taman WPC dan Pertukaran Nota Kolaborasi di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya.

Turut hadir Naib Presiden Jabatan Landskap dan Taman PPj, LAr. Aziz Buang dan Setiausaha Bahagian Kanan Bahagian Kemajuan Industri Kayu-Kayan, Tembakau dan Kenaf (KTK), Pubadi Govindasamy.

Mengulas lanjut, Fadlun berkata, penggunaan produk WPC wajar dipelbagaikan kerana keunikannya menyerupai kayu semula jadi, mempunyai ketahanan terhadap lembapan dan serangan anai-anai serta hanya memerlukan penyelenggaraan yang minimum.

"Di samping itu, penggunaan gentian semula jadi bagi penghasilan produk berdasarkan kayu dapat dikurangkan dalam kebergantungan terhadap sumber asli bagi memastikan pembangunan industri perkayuan negara yang mampan.

"Dengan projek kolabragi ini PPj berharap galakan penggunaan

produk biokomposit khususnya WPC ini diperluaskan sebagai salah satu material gentian yang lebih tahan dan menjimatkan selain dapat membantu meningkatkan jualan produk WPC tempatan serta dapat menyokong industri WPC di Malaysia," ujar beliau.

Sementara itu, Ketua Pengarah MTIB, Mahpar Atan berharap inisiatif ini dapat membimbing orang ramai tentang cara mengitar semula sisa biokomposit dan mewujudkan kesedaran tentang kepentingannya.

"Aplikasi penggunaan produk WPC wajar dipelbagaikan kerana keunikannya menyerupai kayu semula jadi, mempunyai ketahanan terhadap lembapan dan serangan anai-anai serta hanya memerlukan penyelenggaraan yang minimum.

"Di samping itu, penggunaan gentian semula jadi bagi penghasilan produk berdasarkan kayu dapat mengurangkan kebergantungan terhadap sumber hutan asli, sekali gus memastikan pembangunan industri perkayuan negara yang mampan," katanya.

WK

## PPj terima kunjungan konvoi dari Pantai Timur

**P**ERBADANAN Putrajaya (PPj) menerima kunjungan konvoi 33 buah motosikal berkuasa tinggi dari Terengganu baru-baru ini. Pemilihan PPj sebagai destinasi singgah oleh pasukan konvoi tersebut memandangkan ia berkait rapat dengan Program Kenali Taman Negeri Terengganu South Chapter 2022 yang dianjurkan.

Menurut Pengurus Program Kenali Taman Negeri Terengganu South Chapter 2022, **Shahriz Ahmad Laili**, program yang berkonsepkan aktiviti konvoi bermotosikal ini merupakan platform untuk memberi hebatan dan maklumat berkaitan produk Taman-Taman Negeri Terengganu.

"Semasa tiba di Putrajaya, kami beramah mesra dan bertukar-tukar idea bersama Naib Presiden Kanan Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk TPr Fadlun Mak Ujud berkaitan pengurusan taman memandangkan PPj mempunyai Taman Wetland di Presint 13," ujarnya.

Malah, dia turut berharap dapat berkolaborasi bersama PPj dari sudut pemeliharaan dan pemuliharaan alam semula jadi pada masa akan datang.

"Kami juga berharap dapat berkolaborasi pada masa akan datang bersama pihak PPj dengan melihat kepada prospek yang bersesuaian sepertimana yang kita semua sedia maklum PPj merupakan sebuah Pihak Berkua Tempatan (PBT) yang cemerlang

dari segi pengurusan taman dan sebagainya.

"Banyak yang boleh kami pelajari daripada PPj dari segi pengurusan. Mungkin untuk masa yang akan datang kami perlu meluangkan lebih banyak masa lagi untuk berada di sini," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Selain Putrajaya, konvoi yang diketuai oleh Pengarah Majlis Pengurusan Taman Negeri Terengganu (MPTN), Tengku Mohd Arifin Tengku Datuk A. Rahman turut menjelajah ke beberapa buah negeri iaitu Pahang, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

"Di setiap hentian, peserta konvoi berserta pasukan promosi akan melakukan aktiviti hebatan berkaitan Taman Negeri Setiu



TENGKU Mohd Arifin (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Fadlun baru-baru ini.

**Royal FLORIA  
PUTRAJAYA**

**2022**

**FESTIVAL BUNGA & TAMAN DIRAJA PUTRAJAYA**

**Tarikh:** 29 OGOS 2022 - 4 SEPTEMBER 2022 | **Masa:** 9.00 AM - 10.00 PM

**Tempat:** ANJUNG FLORIA, PRESINT 4, PUTRAJAYA

03 8887 7136

putrajaya  
putrajayacorp  
perbadananputrajaya  
Anjung Floria Putrajaya

Iikut jejak langkah bapa harumkan negara

# Adib bangga raih emas di Hanoi

AINI MAWAWI

**B**ERJAYA melakar kejayaan dengan meraih pingat emas pada Sukan SEA 2021, Hanoi baru-baru ini, atlet Wilayah Persekutuan, **Khairi Adib Azhar**, 20, mengakui hasratnya untuk mengikuti jejak langkah bapanya, Azhar Ahmad kian tercapai.

“Alhamdulillah kemenangan saya membuatkan keluarga gembira terutama ayah. Mereka kagum dengan pencapaian saya dan mengharapkan saya dapat menyambung legasi ayah,” ujarnya kepada *Wilayahku*.

Katanya lagi, bapa kesayangannya itu pernah mengharumkan nama negara suatu ketika dahulu apabila berjaya menyumbang pingat emas ketika Kejohanan Pencak Silat Dunia Kuala Lumpur, 1997.

“Saya tak nak hampakan ayah. Kalau boleh saya nak capai leb-



ih banyak kemenangan lagi untuk buat dia bangga. Tanpa dia mungkin saya tidak berada di sini pada hari ini,” ujarnya yang bertanding dalam kelas Putra B (50-55 kilogram).

Terdahulu, Khairi Adib berjaya mengatasi musuh utamanya dari Indonesia, Khoirudin Mustakim dalam aksi yang mendebarkan apabila dirinya ditendang di bahagian leher namun berjaya bangkit kembali.

Ber cerita lanjut tentang perkembangan terbaurnya, dia sedang giat mempersiapkan diri untuk beraksi pada Kejohanan Dunia yang bakal berlangsung pada Julai ini di Melaka dan seterusnya SUKMA pada September.

“Setakat ini persiapan berjalan lancar dan saya tidak sabar untuk meraih lebih banyak lagi kemenangan. Saya harap dapat mengulangi kejayaan merangkul emas pada kedua-dua



**KHAIRI** Adib sejurus berjaya meraih emas pada Sukan SEA baru-baru ini.

acara ini,” ujarnya lagi.

Merupakan kali pertama menyertai SUKMA, Khairi Adib percaya kontinen Wilayah Persekutuan (WiPers) bakal muncul juara keseluruhan pada

tahun ini kerana atlet yang terpilih rata-ratanya yang terbaik.

“Saya yakin WiPers mampu cipta sejarah yang tersendiri. Kalau pada acara lepas naib juara tidak mustahil kali ini muncul

## Pencapaian Khairi Adib

2022 - Sukan SEA Hanoi – Pingat emas

2020 – Kejohanan Asia Tengah, Uzbekistan – Pingat emas

2019 – Kejohanan Asia, China – Pingat perak

2019 – Sukan SEA Filipina – Gangsa

juara pula. Bagi diri saya pula, sudah tentu nak raih emas memandangkan ini kali pertama saya ke SUKMA,” ujarnya.

Kongsinya lagi, setiap kali menyertai sebarang kejohanan, dia sentiasa meletakkan harapan yang tinggi untuk bergelar juara kerana secara tidak langsung ia merupakan salah satu cara membakar semangat. **WK**

# Insentif SUKMA ‘berbaloi’

**PENGUMUMAN** Kontinen Wilayah Persekutuan (WiPers) bakal memberi insentif lumayan kepada atlet yang berjaya membawa pulang pingat pada SUKMA akan datang disambut baik oleh atlet Wilayah Persekutuan.

Rata-ratanya teruja dengan ganjaran tersebut dan menyifatkan ia berbaloi atas usaha penat lelah mereka untuk membeli persembahan terbaik pada kejohanan yang amat dinantikan setelah tertangguh sejak dua tahun lalu akibat pandemik COVID-19.

Menurut atlet muay thai, **Muhammad Hairie Mahmad** yang berjaya menyumbang emas pada Kejohanan Dunia 2022 di Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu (UAE) baru-baru ini, insentif tersebut menjadi pendorong se-mangat buatnya dan rakan-rakan.

“Sudah tentu saya akan buat yang terbaik di pentas SUKMA tambahan pula saya baru sahaja memenangi pingat di peringkat dunia. Selain itu, ini juga merupakan persembahan terakhir di SUKMA, jadi saya target emas,” ujarnya kepada *Wilayahku*.

Bagi atlet silat, **Nurizzaty Natasha Kamaruddin** pula, tidak mustahil untuk atlet meraih pingat memandangkan persiapan rapi telah pun dilakukan sebelum bermulanya SUKMA pada September akan datang.

“Selain persiapan biasa, atlet juga turut mengikuti Kem Latihan Atlet SUKMA Wilayah Persekutuan (KLAS) selama tujuh hari baru-baru ini, jadi saya rasa

tak mustahil kami dapat laku-kan yang terbaik.

“Saya rasa insentif tu okey sangat. Dalam masa yang sama, ada sesetengah atlet yang eksentrik, lebih kepada perlukan ganjaran jadi dengan pengumuman tersebut dapat memberikan semangat yang lebih lagi,” katanya.

Ia turut dipersetujui oleh atlet silat, **Muhammad Aliff Hakimi Azhar** yang menganggap insentif tersebut sangat berbaloi untuk atlet memandangkan mereka bersungguh melakukan latihan sehingga



**MUHAMMAD ALIFF** **NURIZZATY**

ada yang sakit badan.

“Sekurang-kurangnya dengan duit tu dapatlah pergi rawatan seperti berurut dan sebagainya. Memandangkan ini juga kali terakhir saya beraksi di SUKMA, jadi saya nak rebut peluang ini,” ujarnya. **WK**



**AKSI** Muhammad Hairie ketika Kejohanan Dunia 2022 baru-baru ini.

## MGJA-UiTMRancang tubuh Akademi Golf Malaysia

**PERSATUAN** Golf Junior Malaysia (MGJA) berhasrat untuk mewujudkan kerangka program Akademi Golf Malaysia Universiti Teknologi Mara (UiTM) dalam usaha melahirkan pemain berkualiti dalam bidang sukan dan akademik.

Presidennya **Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim** berkata kerjasama antara MGJA dan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR) UiTM itu termasuk menggunakan kemahiran serta kepakaran yang dimiliki oleh persatuan itu untuk diketengahkan kepada pemain di peringkat muda dalam usaha melahirkan pemain golf profesional.

“Namun perincian lanjut berhubung penubuhan akademi itu masih dalam peringkat perbincangan antara MGJA dan FSR untuk diperhalusi,” katanya pada pemberita selepas Majlis Menandatangani Perjanjian persefahaman (MoU) antara persatuan dan fakulti tersebut, di sini baru-baru ini.

MoU itu dimeterai oleh Irmohizam dan Timbalan Presiden Mohd Zurie Harun mewakili MGJA manakala UiTM diwakili Naib Canselor, Professor Datuk Ts Dr Roziah Mohd Janor serta Dekan FSR, Profesor Dr Mohad Anizu Mohd Nor.

Sementara itu, Roziah berkata penubuhan akademi tersebut dijangka dilaksanakan dalam tempoh dua tahun selepas mendapat ketetapan daripada Kementerian Pengajian Tinggi serta Kementerian Belia dan Sukan.

“Namun setakat ini belum ada perbincangan (berhubung akademi itu) di peringkat Majlis Eksekutif UiTM. Kami akan bawa hasrat ini melalui satu kertas kerja daripada FSR untuk dimajukan kepada majlis tersebut,” katanya. - **BERNAMA**



**NAIB CANSELOR** UiTM, Prof Datuk Ts Dr Hajah Roziah Mohd Janor (lima kiri) bersama Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim (lima kanan) bergambar selepas Majlis MoU di Bangunan Canselor UiTM Shah Alam, baru-baru ini.



## DBKL sita skuter elektrik guna jalan awam

**A**KTIVITI skuter elektrik di Dataran Merdeka tidak dibenarkan kerana ia adalah sebahagian jalan awam yang tidak diwartakan untuk aktiviti berkenaan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam kenyataan memaklumkan tindakan itu bertepatan dengan arahan kerajaan iaitu tiada kebenaran diberikan kepada aktiviti skuter elektrik di atas jalan awam, kecuali di kawasan yang sudah diwartakan.

"Pada 4 Jun, pukul 8 hingga 10 malam tadi, anggota penguasa DBKL yang membuat rondaan di lokasi telah menemukan aktiviti tanpa kebenaran ini dan bertindak melaksanakan sitaan terhadap dua buah skuter elektrik yang diletakkan di atas Jalan Raja bagi tujuan penyewaan untuk aktiviti ini.

"Tiada kebenaran dikeluarkan oleh DBKL di Dataran Merdeka bagi tujuan aktiviti permainan skuter ini. Anggota penguasa DBKL juga telah membuat laporan polis terhadap pengendali aktiviti skuter ini kerana telah menghalang penjawat awam melaksanakan tugas.

"Skuter yang disita telah dibawa ke Stor Sitaan DBKL di Jalan Lombong, Cheras," katanya.

26 April lalu, Menteri



PENGUATKUASA DBKL menyita skuter elektrik yang beroperasi di Dataran Merdeka dalam satu operasi pada Ahad.

Pengangkutan Datuk Seri Dr Wee Ka Siong dilaporkan ber kata kenderaan mikromobiliti jenis *Moped*, *Personal Mobility Devices* (PMD) dan *Personal Mobility Aids* (PMA) adalah dilarang penggunaannya di atas jalan berkuat kuasa serta-merta.

*Moped* adalah kenderaan yang dipasang dengan dua atau tiga roda dan dipacu oleh sum-

ber elektrik dengan kelajuan yang tidak melebihi 50 kilometer sejam (km/j).

PMD dan PMA pula adalah kenderaan yang dipacu oleh kuasa manusia atau elektrik dengan kelajuan tidak melebihi 25 km/j seperti skuter elektrik dan kenderaan bagi kegunaan individu yang mempunyai masalah pergerakan. **WK**



## WiPers umum insentif hingga RM5,000 buat atlet SUKMA

**KONTINJEN** Wilayah Persekutuan (WiPers) bakal memberi insentif sebanyak RM5,000 bagi atlet yang memenangi pingat emas dalam acara individu serta RM3,000 hingga RM4,000 bagi acara berpasukan pada Sukan Malaysia (SUKMA) ke-20 yang dijadualkan pada 16 hingga 24 September depan.

Bagi pemenang pingat perak pula, pemenang akan menerima insentif sebanyak RM2,000 bagi acara individu dan RM1,000 hingga RM1,500 bagi acara berpasukan sementara pingat gangsa pulak sebanyak RM1,000 bagi sukan individu dan RM500 hingga RM700 bagi acara berpasukan.

Menurut Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan merangkap Ketua Kontinjen WiPers, **Datuk Seri Rosida Jaafar**, insentif tersebut bagi menyuntik semangat dalam memastikan segala matlamat untuk muncul juara menjadi kenyataan.

"Biarpun secara dasarnya, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) meletakkan sasaran pencapaian tiga terbaik, tetapi saya yakin jika ada usaha dan kemauhan yang bersungguh-sungguh daripada anda semua maka kejayaan menduduki kejuaraan keseluruhan mampu dicapai," ujar beliau ketika menyampaikan amanat Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim sempena Kem Latihan Atlet SUKMA Wilayah Persekutuan (KLAS) 2022 baru-baru ini.

Tambah beliau lagi, atlet WiPers adalah antara yang teramai menyumbang pingat buat kontinjen negara pada Sukan SEA di Hanoi yang berlangsung pada bulan lepas.

"Di Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), kita bakal memberi insentif kepada semua atlet Wilayah Persekutuan sama ada masih berada di dalam program bersama MSWP atau tidak," ujar beliau. **WK**

## Artis legenda bantu pesakit kanser

### DEEL ANJER

SATU pencapaian harus dipuji apabila Showcase Amal Keluarga Malaysia: Artis Legenda 3.0 yang dianjurkan oleh Nizam Laksamana Production berlangsung dengan jayanya pada 4 Jun lalu di Grand Ballroom, Bangi Resort Hotel, Bandar Baru Bangi, Selangor.

**Nizam Laksamana** atau nama sebenarnya Mohd Nizam Pechok, 55, mengaku terharu dengan sumbangan daripada pelbagai pihak dan sokongan padu peminat dalam usahanya membantu pesakit kanser.

Dalam masa yang sama, dia juga berbangga dengan sokongan penyanyi Rahmad Mega, Daqmie, Bagio, Ibxnor Riza, Ezad Lazim, Zarul Umbrella, Tam Spider dan Ramlah Ram.

"Kalau boleh saya mahu berita-

hu berapa jumlah yang diserahkan kepada Puan Zuraini Kamal (pen-gasas CSM) tapi atas permintaan penderma, saya terpaksa akur. Ada penderma yang membeli meja tapi mereka tak dapat datang.

"Tujuan penganjuran showcase ini bukan sekadar hiburan semata-mata tapi sebagai platform untuk kita sama-sama membantu penghidap dan bekas pesakit kanser. Hasil jualan tiket showcase amal itu disalurkan kepada Cancer Survivors Malaysia (CSM) namun dia tidak dapat mendedahkan jumlah tersebut."

"Saya juga mahu mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan artis yang suka menerima pelawaan saya tanpa seorang pun bertanya soal bayaran. Mereka terus bersetuju dengan hanya satu penggilan telefon," katanya.

Nizam yang turut mendangkan lagu Gugurnya Bunga Cinta dan Mendung Tak Bererti Hujan bersama Ramlah Ram berkongsi pengalamannya menghadapi pelbagai dugaan dalam menganjurkan persembahan amal itu.

"Alhamdulillah, bukan saja jualan tiket sold out, malah semakin hampir acara, pelbagai pihak tampil untuk menaja dalam pelbagai bentuk. Walaupun bukan dalam bentuk wang ringgit, saya amat berterima kasih kepada penaja yang sudi membantu saya mewujudkan showcase ini."

"Jutaan penghargaan diberikan kepada pihak TNB yang menghulur sumbangan menerusi Kelab Kilat Kuala Lumpur (KKKL), Yang di-Pertua KKKL, Datuk Omar Sidek, tidak jemu membantu projek saya sejak edisi pertama lagi.

"KKKL bukan sahaja memberi



NIZAM Laksamana (kanan) bersama barisan penyanyi legenda bantu pesakit kanser.

sumbangan kepada tabung CSM, malah turut menyumbang untuk perjalanan showcase ini.

"Turut membantu saya menjayakan projek ini adalah wakil pejabat Tan Sri Noh Omar dan FINAS (Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia)," katanya yang berpuas hati apabila

jualan tiket untuk 46 meja habis terjual.

Selain itu, dalam showcase tersebut, Nizam turut berkongsi kisahnya bersama dengan Allahyarham Gmie Screen yang meninggal kerana masalah buah pinggang pada 10 Disember 2021.

**WK**